

MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
2019

HARI KHAMIS : 11 APRIL 2019

SOALAN NO. 1

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN CHOW KON YEOW
[TANJONG]
TARIKH : 11 APRIL 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 1

TUAN CHOW KON YEOW [TANJONG] minta **MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI** menyatakan perkembangan rundingan Skim Bekalan Air Mentah dari Sungai Perak (SPRWS). Juga perincikan perkembangan kelulusan semakan Surcaj Penjimatan Air (WCS) Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Skim Bekalan Air Mentah dari Sungai Perak (SPRWS) melibatkan dua komponen iaitu i) penyaluran air mentah dari Negeri Perak ke Negeri Pulau Pinang; dan ii) pembinaan loji rawatan air.
2. Bagi komponen penyaluran air mentah tersebut, Jabatan Bekalan Air akan melaksanakan satu kajian kemungkinan sumber air dan dijangka mengambil masa selama 9 bulan untuk disiapkan iaitu pada bulan September 2020. Manakala Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Perak akan berbincang mengenai cadangan pembinaan loji rawatan air secara usaha sama (*joint venture*) bagi membekalkan air terawat kepada Pulau Pinang.
3. Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) tidak akan meneruskan pelaksanaan Surcaj Penjimatan Air (WCS). Perkara ini telah diambil kira di dalam pelaksanaan Mekanisme Penetapan Tarif (TSM).

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : YB Dato' Sri Azalina Othman Said
[Pengerang]
TARIKH : 11 April 2019

SOALAN NO.2

YB Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah status penubuhan Suruhanjaya Kanak-Kanak yang bebas di Malaysia yang sebelum ini dikatakan sedang dikaji serta "*timeline*" sekiranya Kerajaan benar-benar serius dalam hal ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sememangnya amat serius dalam menubuhkan Suruhanjaya Kanak-Kanak di Malaysia. Pada 5 Julai 2018 yang lepas di Parlimen, YB Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah menyatakan kesediaan Kementerian kami untuk meneliti keperluan untuk mewujudkan sebuah Suruhanjaya Kanak-Kanak.

Susulan itu, SUHAKAM telah mengemukakan kertas cadangan pelantikan “Pesuruhjaya Kanak-Kanak (*Children’s Commissioner*)” kepada Kementerian pada 5 November 2018. Bagi tujuan mendapatkan pandangan pemegang taruh (*stakeholders*) terhadap kertas cadangan tersebut, satu sesi libat urus Pelantikan Pesuruhjaya SUHAKAM bagi portfolio kanak-kanak telah diadakan pada 23 November 2018 dengan kehadiran kementerian, jabatan Kerajaan dan NGO-NGO.

Tuan Yang di-Pertua,

Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri (BHEUU, JPM) telah memulakan proses pengiklanan kepada umum mengenai pengambilan Pesuruhjaya SUHAKAM pada akhir tahun 2018. Individu-individu yang telah mengemukakan pencalonan telah disaring dan kini sedang dimuktamadkan untuk kelulusan YAB Perdana Menteri. BHEUU dijangka akan membuat pengumuman pelantikan pada bila-bila masa pada bulan ini.

Suka saya tekankan bahawa pada masa ini, Kerajaan ingin menumpukan terlebih dahulu kepada pelantikan seorang Pesuruhjaya Kanak-Kanak di bawah struktur sedia ada SUHAKAM. Pesuruhjaya yang akan dilantik ini sekurang-kurangnya boleh meneliti terlebih dahulu gambaran menyeluruh pelaksanaan hak kanak-kanak di Malaysia. Pemerhatian lanjut seterusnya boleh dipertimbangkan untuk penubuhan sebuah Suruhanjaya yang ideal untuk kanak-kanak pada masa hadapan.

SOALAN NO. 2

Pesuruhjaya ini akan bertindak sebagai, dengan izin, *check and balance* dalam mengimbangi pengendalian isu kanak-kanak oleh pihak Kerajaan, NGO dan organisasi tempatan atau antarabangsa.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN KARUPAIYA A/L MUTUSAMI
[PADANG SERAI]**

TARIKH : 11 APRIL 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 3

Minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bolehkah pihak Kementerian membuka klinik pada jam 7 pagi supaya pesakit boleh berehat di dalam memandangkan masih ramai pesakit terpaksa menunggu di luar Klinik Kesihatan sebelum klinik dibuka pada jam 9 pagi.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengambil maklum dan mengakui bahawa ada klinik kesihatan menerima kedatangan pelanggan seawal sebelum jam 7.00 pagi. Waktu operasi klinik kesihatan terbahagi kepada :

- i. Waktu pejabat (8.00 pagi hingga 5.00 petang);
- ii. Waktu pejabat dan diteruskan selepas waktu pejabat: 5 petang hingga 9.30 malam pada hari bekerja dan 8.00 pagi hingga 12.30 tengah hari (hari Sabtu)

Pelanggan tidak perlu datang ke klinik seawal jam 7.00 pagi. Walau bagaimanapun, anggota kesihatan seperti pembantu perawatan kesihatan sentiasa datang awal ke klinik bagi membuat persiapan dan memastikan segala peralatan dan kelengkapan yang diperlukan bersedia untuk digunakan. Pelanggan lazimnya mula masuk sekitar jam 7.30 pagi untuk mengambil nombor giliran dan pendaftaran. Keperluan membuka klinik lebih awal ada dilakukan di sesetengah

lokaliti, contoh di Sabah dan Sarawak perkhidmatan dimulakan seawal jam 7.00 pagi.

Kementerian Kesihatan sentiasa berusaha untuk menambahbaik perkhidmatan dari masa ke semasa. Berikut adalah antara strategi dan inisiatif yang digunapakai bagi mengurangkan tempoh waktu menunggu yang lama dan masalah kesesakan yang terlampau di fasiliti kesihatan Kerajaan:

- i. Melaksanakan sistem temujanji secara berperingkat (*staggered appointment system*). Melalui pelaksanaan sistem temujanji berperingkat ini, setiap pesakit akan diberikan temujanji mengikut masa yang ditetapkan. Ini akan dapat mengurangkan kesesakan pesakit terutamanya pada waktu puncak. Kementerian berharap setiap pesakit dapat memberikan kerjasama dalam mematuhi temujanji yang diberikan bagi memastikan pelaksanaan sistem temujanji ini dapat dilaksanakan dengan sempurna;
- ii. Melaksanakan *Business Process Reengineering (BPR)* bagi menambahbaik proses kerja di klinik kesihatan dalam mengurangkan masa menunggu;
- iii. Melaksanakan pemantauan masa menunggu berjumpa pegawai perubatan menggunakan sistem pemantauan masa menunggu eMASA. Melalui pemantauan ini, fasiliti kesihatan akan dapat mengenalpasti pencapaian masa menunggu serta faktor yang menyumbang, dan seterusnya tindakan penambahbaikan yang boleh diambil bagi menambahbaik masa menunggu di jabatan masing-masing; dan
- iv. Klinik kesihatan melantik seorang Pegawai Perhubungan Awam bagi memastikan perkhidmatan dapat berjalan dengan lancar dan sistematik. Pegawai ini akan membantu memberi perkhidmatan perhubungan awam kepada pelanggan yang menunggu dan mengenalpasti situasi kecemasan, jika ada. Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI CHE ABDULLAH BIN MAT
NAWI [TUMPAT]**

TARIKH : 11 APRIL 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 4

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan - langkah-langkah yang diambil bagi mengatasi manipulasi orang tengah dalam pemasaran hasil laut bagi membantu nelayan meningkatkan pendapatan mereka.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jemaah Menteri pada 29 Mac 2019 telah bersetuju supaya **empat (4) Kementerian** iaitu *Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP)*, *Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA)*, *Kementerian Dalam Negeri (KDN)* dan *Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP)* menubuhkan **Jawatankuasa Khas Menangani Penquasaan Pasaran oleh Pendatang Asing** bagi **memecahkan monopoli warga asing** terutamanya pendatang tanpa izin **dalam rangkaian urusniaga di peringkat borong, runcit dan konsumer** yang turut menjadi antara punca kenaikan harga hasil laut. Kementerian juga akan mencadangkan penambahan *Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT)* dalam jawatankuasa tersebut.

Kementerian akan membawa isu ini ke **Jawatankuasa Bersama Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani - Kementerian**

Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) yang merupakan platform kerjasama kedua-dua kementerian bagi membincangkan isu-isu berkaitan rantai bekalan makanan.

Sehubungan itu, Kementerian ini akan menumpukan kepada usaha-usaha untuk **mengurangkan lapisan pemasaran** sebagai **strategi utama** dalam mengatasi manipulasi orang tengah. Melalui strategi ini, nelayan digalakkan untuk memasarkan sendiri hasil perikanan melalui *outlet-outlet* jualan terus produk perikanan di seluruh negara. Bagi tujuan tersebut, *Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia* (LKIM) telah membina sebanyak 128 buah Pasar Nelayan yang melibatkan seramai 532 peserta.

Selain itu, peserta LKIM juga diberi peluang **untuk menjual bekalan ikan terus kepada pengguna** di *outlet-outlet* jualan *Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan* (FAMA) seperti *Pasar Tani*, *Agrobazaar Kedai Rakyat* dan *MyFarm Outlet*. Melalui strategi ini, nelayan dapat menjual hasil tangkapan mereka **pada harga 5% hingga 10% lebih tinggi** berbanding harga peraih. Manakala pengguna pula akan mendapat harga sehingga 20% lebih rendah berbanding harga pasaran. Ini bermakna, pendapatan *Peserta Pasar Nelayan* telah meningkat sebanyak 33.6% iaitu daripada RM1,870.00 kepada RM2,500.00 sebulan.

Kementerian turut menggalakkan **Persatuan Nelayan untuk berperanan sebagai orang tengah** dan terlibat dalam aktiviti pemasaran ikan. Jualan ikan kepada *Persatuan Nelayan* memberikan pulangan harga yang lebih baik kepada nelayan selain memberi peluang kepada *Persatuan Nelayan* untuk menjana aktiviti ekonomi. Sehingga tahun 2018, sebanyak 27 buah *Persatuan Nelayan* menjalankan aktiviti ini di 27 buah *Pusat Pengumpulan dan Pengedaran Marin LKIM* di seluruh negara.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATUK DR. HAJI ABD. LATIFF BIN AHMAD [MERSING]

TARIKH : 11 APRIL 2019 (KHAMIS)

SOALAN : 5

Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad [Mersing] minta MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA menyatakan :-

- (a)** apakah langkah Kementerian dalam menangani ketirisan data peribadi melibatkan sektor perkhidmatan; dan
- (b)** bagaimanakah kerangka nasional Artificial Intelligence (AI) akan mempengaruhi potensi ekonomi digital Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

SOALAN (a)

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian melalui Jabatan Perlindungan Data Peribadi (JPDP) telah menguatkuasakan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (Akta 709) pada 15 November 2013 yang bertujuan untuk mengawal selia pemprosesan data peribadi dalam transaksi komersial. Setiap pengguna data (syarikat yang memproses data peribadi untuk transaksi komersial tersebut) wajib mematuhi 7 Prinsip Perlindungan Data Peribadi dalam mengendalikan data peribadi subjek data (pemilik data peribadi) bagi memastikan data peribadi tersebut tidak disalahgunakan.
2. Akta 709 juga mewajibkan pendaftaran bagi setiap pengguna data yang tergolong di bawah 13 Golongan Pengguna Data. Sehingga Februari 2019, sebanyak 13,739 pengguna data telah berdaftar di bawah Akta 709. Kegagalan untuk mendaftar di bawah Akta 709 adalah merupakan suatu kesalahan yang mana jika sabit kesalahan, pengguna data boleh didenda didenda tidak melebihi RM500,000 atau penjara tidak lebih 3 tahun atau kedua-duanya.
3. Bagi memastikan pematuhan Akta 709 dengan lebih cekap dan efisien serta sesuai dengan operasi perniagaan pengguna data yang unik, setiap Forum Pengguna Data akan membangunkan Kod Tata Amalan (*Code of Practice*) bagi memastikan setiap pengguna data di bawah Golongan Pengguna Data tersebut mematuhi 7 Prinsip Perlindungan Data Peribadi.
4. Selain itu, bagi meningkatkan keupayaan dan kebolehan pengguna data mematuhi peruntukan-peruntukan di bawah Akta 709 khususnya berkenaan tadbir urus data peribadi, bermula 2016 sehingga Disember 2018, JPDP telah menjalankan 77 lawatan pemeriksaan sistem data peribadi di bawah peruntukan seksyen 101, Akta 709 ke atas pengguna data di seluruh negara.

SOALAN (b)

1. *Artificial Intelligence* (AI) adalah merupakan salah satu teknologi dan bidang terkini yang dapat memacu Revolusi Perindustrian Keempat (IR 4.0) serta menjana potensi ekonomi yang besar untuk negara. Dalam usaha merancang dan membangunkan sektor dan bidang AI ini, Kerajaan melalui Kementerian Komunikasi dan Multimedia dan agensinya MDEC sedang membangunkan Rangka Kerja AI Kebangsaan yang dijangka disiapkan pada suku tahun ketiga 2019.
2. Tujuan utama pembangunan Rangka Kerja AI Kebangsaan ini adalah untuk membangunkan strategi dan pelan tindakan bagi meningkatkan potensi dan manfaat ekonomi dan sosial dari segi penggunaan teknologi AI dan pembangunan sektor teknologi AI.
3. Dengan perlaksanaan rangka kerja dan inisiatif-inisiatif yang dirancang ini, Kerajaan berharap teknologi dan bidang AI ini dapat memberi manfaat-manfaat berikut:
 - Memacu penjana ekonomi dan meningkatkan daya saing Malaysia;
 - Menjadikan Malaysia sebagai pusat tumpuan bagi pembangunan dan penggunaan AI

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI AHMAD AMZAD BIN MOHAMED
@ HASHIM [KUALA TERENGGANU]**

TARIKH : 11 APRIL 2019

SOALAN

TUAN HAJI AHMAD AMZAD BIN MOHAMED @ HASHIM [KUALA TERENGGANU] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah langkah-langkah proaktif yang akan diambil oleh Kerajaan dalam mendepani tindakan-tindakan provokatif dari Kerajaan Singapura seperti penamaan Selat Johor sebagai “*Waters Territory of Singapore (WTS)*” dan penghantaran kapal-kapal perang ke kawasan yang menjadi pertikaian untuk menakut-nakutkan bot-bot nelayan dan polis.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Kuala Terengganu di atas pertanyaan yang telah dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Berkenaan langkah-langkah proaktif yang akan diambil oleh Kerajaan dalam mendepani tindakan-tindakan provokatif dari Kerajaan Singapura, saya ingin menekankan bahawa Kementerian Luar Negeri:

a) sentiasa konsisten dalam mengemukakan Nota Bantahan terhadap pengisytiharan kawasan had pelabuhan Johor Bahru sebagai *Singapore Territorial Waters* serta penghantaran kapal-kapal perang dan penguatkuasaan ke kawasan tersebut oleh Kerajaan Singapura;

b) Malaysia juga menuntut *Malaysian Territorial Waters* di kawasan had pelabuhan tersebut di mana timbulnya isu pertindihan had pelabuhan; dan

- c) Malaysia akan mengekalkan pendekatan untuk terus mempertahankan kedaulatan negara tanpa meningkatkan sebarang ketegangan di kawasan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Dalam hal ini, pada 7 Mac 2019, Malaysia dan Singapura telah menandatangani satu dokumen perjanjian mengenai hasil rundingan Kumpulan Kerja (*Working Group*) dan bersetuju dengan beberapa cadangan bagi meredakan ketegangan di kawasan yang melibatkan pertindihan had pelabuhan di antara Malaysia dan Singapura tersebut. Kedua-dua negara telah berjaya menangani situasi tegang di kawasan tersebut dengan bersetuju secara bersama untuk menggantung pelaksanaan pertindihan had pelabuhan Malaysia-Singapura mulai jam 0001 pada 8 April 2019.

4. Satu jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Luar Negeri Malaysia dan Setiausaha Tetap Kementerian Luar Negeri Singapura juga ditubuhkan untuk melaksanakan rundingan persempadanan maritim. Dalam hal ini, kedua-dua negara telah berbincang mengenai praktikal modaliti (*practical modalities*) yang akan diguna pakai. Praktikal modaliti (*practical modalities*) ini juga bertujuan bagi mengelakkan pihak Singapura daripada melakukan sebarang tindakan provokatif dan berbahaya yang boleh mengancam keselamatan dan kedaulatan negara ini.

5. Sehubungan itu, semasa Sesi Pemukiman Ke-9 Pemimpin-Pemimpin Kerajaan Malaysia-Singapura yang diadakan pada 9 April 2019 di Putrajaya, kedua-dua Perdana Menteri Malaysia dan Singapura menyambut baik kerjasama dua hala (*bilateral*) dalam melaksanakan cadangan Kumpulan Kerja (*Working Group*) bagi menangani isu maritim yang melibatkan peluasan had pelabuhan Johor Bahru di Tanjung Piai dan had pelabuhan Singapura di Tuas. Singapura juga bersetuju untuk mengadakan rundingan dengan Malaysia mengenai persempadanan maritim Malaysia-Singapura yang masih belum dimuktamadkan bukan sahaja bagi kawasan had pelabuhan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA**PERTANYAAN : JAWAB LISAN****DARIPADA : DATO' SRI DR. HAJI ISMAIL BIN HAJI ABD. MUTTALIB [MARAN]****TARIKH : 11.4.2019 (KHAMIS)****SOALAN : 8**

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan jumlah peruntukan pembinaan jalan-jalan luar bandar pada tahun ini dan nyatakan juga secara pecahan mengikut negeri.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah peruntukan tahun 2019 bagi Program Jalan Luar Bandar (JALB) di bawah Kementerian adalah sebanyak RM830.82 juta. Pecahan bilangan projek mengikut negeri dan peruntukan adalah seperti berikut :

BIL.	NEGERI	BIL PROJEK	PERUNTUKAN 2019 (RM)
1	JOHOR	6	45.45 juta
2	PERAK	5	34.3 juta
3	KELANTAN	15	65.5 juta
4	MELAKA	2	11.8 juta
5	NEGERI SEMBILAN	3	14.3 juta
6	PULAU PINANG	1	5 juta
7	KEDAH	5	16.9 juta
8	PAHANG	15	78.5 juta
9	PERLIS	2	5.5 juta
10	TERENGGANU	9	36.6 juta
11	SELANGOR	1	100,000
12	SABAH	61	316.9 juta
13	SARAWAK	32	199.97 juta
JUMLAH		93	RM 830.82 juta

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK ZAKARIA BIN MOHD. EDRIS @ TUBAU
[LIBARAN]**

TARIKH : 11.4.2019 (KHAMIS)

SOALAN : 8 (SOALAN TAMBAHAN)

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan jumlah peruntukan pembinaan jalan-jalan luar bandar pada tahun ini bagi Parlimen Libaran.

JAWAPAN

Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah peruntukan tahun 2019 bagi Program Jalan Luar Bandar (JALB) di bawah Kementerian untuk Parlimen Libaran adalah sebanyak RM36.7 juta yang melibatkan 3 projek JALB.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAPAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN AHMAD FAHMI BIN MOHAMED FADZIL
(LEMBAH PANTAI)**

TARIKH : 11 APRIL 2019 (KHAMIS)

SOALAN:

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan hala tuju Lembaga Tabung Angkatan Tentera di bawah Kerajaan Pakatan Harapan, khususnya langkah-langkah yang akan diambil untuk memastikan pelaburan mendatangkan faedah lumayan kepada pelabur serta menjamin veteran-veteran angkatan tentera dibantu mendapat pekerjaan selepas bersara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) pada dasarnya adalah dana persaraan yang bertanggungjawab untuk menguruskan dana wang carumannya dengan cara yang paling cekap dan berkesan untuk memberikan pulangan yang maksimum kepada pencarumnya. Pada masa ini, LTAT sedang melaksanakan penstrukturan semula pelan perniagaannya untuk mengoptimalkan pulangan daripada aktiviti pelaburannya. Lembaga Pengarah dan Pengurusan LTAT akan terus berusaha untuk mengenal pasti pelaburan baru yang menguntungkan dan berdaya maju dan menyemak semula pelaburannya dari masa ke semasa untuk memastikan pelaburan yang dibuat oleh LTAT adalah selamat dan memberi pulangan yang sebaiknya.

NO. SOALAN : 9

LTAT menerusi Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (PERHEBAT) menjalankan pelbagai program latihan kemahiran teknikal dan bukan teknikal khusus untuk anggota-anggota ATM yang akan bersara dan veteran ATM. PERHEBAT telah melatih veteran ATM dalam pelbagai bidang kursus untuk pembangunan kerjaya kedua mereka setelah tamat perkhidmatan.

PERHEBAT melaksanakan Program Pembangunan Sosio Ekonomi Veteran ATM Tidak Berpencen (PPSEV) iaitu program latihan khusus untuk veteran ATM tidak berpencen bagi menceburi bidang keusahawanan atau untuk membantu mereka mendapatkan pekerjaan di sektor awam dan swasta. Program ini diadakan bertujuan untuk memperkasa status sosio ekonomi veteran ATM di seluruh Malaysia.

PERHEBAT juga telah menjalin kerjasama dengan Persekutuan Pengilang-pengilang Malaysia (FMM) Pulau Pinang bagi menyediakan 20,000 peluang pekerjaan kepada veteran ATM dan ahli keluarga mereka dalam tempoh 2 tahun. Memorandum kerjasama diantara FMM dan PERHEBAT tersebut telah dimeterai pada 23 November 2018. Inisiatif ini melibatkan 40 syarikat dan industri di Pulau Pinang.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB ZAHIDI BIN ZAINUL ABIDIN
[PADANG BESAR]**

TARIKH : 11 APRIL 2019

SOALAN

Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Padang Besar] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan apakah tindakan Kementerian dalam memastikan kenyataan-kenyataan yang dikeluarkan oleh Kerajaan dan Menteri berhubung isu rakyat tidak dikelirukan oleh pihak media

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat,

KKMM melalui jabatan dan agensi di bawahnya sentiasa mengharapkan media mematuhi etika kewartawanan dalam menghasilkan berita. Etika kewartawanan jika dipatuhi dapat meningkatkan tahap profesionalisme dan mengelakkan kejadian laporan media yang mengelirukan kenyataan yang dikeluarkan oleh kerajaan dan menteri.

Bagi memastikan penyebaran maklumat yang mengelirukan dan tidak sahih dapat dibendung maka pengamal media diseru untuk mengamalkan etika kewartawanan berteraskan rukun negara. Majlis Media atau Media Council yang akan diwujudkan tidak lama lagi boleh mengambil tindakan terhadap media yang mengelirukan isu-isu rakyat. Dalam kes-kes tertentu tindakan juga boleh diambil dibawah Akta Hasutan 1948, Akta Rahsia Rasmi 1972, Akta Hasutan 1948, Akta Media

Cetak dan Penerbitan 1984, Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 dan Akta Hakcipta 1987.

Kementerian juga melalui Jabatan Penerangan Malaysia membuat identifikasi media melalui pengeluaran Kad Perakuan Media yang wajib ditunjukkan bagi membuat liputan majlis dan program rasmi Kerajaan. Melalui penguatkuasaan Kad Perakuan Media ini, dapat memastikan pelaporan berhubung kenyataan-kenyataan yang dikeluarkan oleh Kerajaan disampaikan kepada rakyat secara tepat dan benar. Dari tahun 2018 hingga kini, sebanyak 4,419 Kad Perakuan Media telah dikeluarkan.

Selain itu, JaPen melaksanakan advokasi dasar kerajaan kepada rakyat melalui kerjasama dengan kementerian, jabatan dan agensi yang berkaitan. JaPen memastikan hanya maklumat yang benar dan terkini disampaikan kepada rakyat melalui platform digitalnya.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHAYA
[TASEK GELUGOR]**

TARIKH : 11 APRIL 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 11

Minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan mengenai jumlah graduan lepasan bidang perubatan yang masih belum mendapat tempat untuk menjadi doktor pelatih (House Officer) dan apakah sebab-sebabnya.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Untuk makluman, sehingga Februari 2019, seramai 4,431 graduan perubatan yang masih belum mendapat tempat untuk menjalani latihan siswazah. Di antara faktor mengapa graduan lulusan perubatan masih belum ditawarkan slot latihan siswazah adalah seperti berikut:

- i. Terdapat peningkatan keluaran graduan perubatan dari dalam dan luar negara yang dianggarkan sebanyak 5,000 hingga 6,000 orang setahun. Slot latihan siswazah semasa di KKM adalah sebanyak 11,913 slot. Pada masa ini, pengisian slot latihan adalah 90% yang melibatkan Pegawai Perubatan Siswazah (PPS) yang sedang menjalani latihan siswazah. KKM membuat pengambilan PPS setiap 2 bulan (6 kali setahun). Sehingga Februari 2019, seramai 4,431 graduan perubatan (keluaran Julai 2018 ke atas) yang masih belum mendapat tempat untuk menjalani latihan siswazah. KKM akan melantik 1,236 graduan perubatan sebagai PPS pada April 2019 dan bakinya sebanyak 3,195 akan dilantik secara berperingkat pada tahun ini; dan

ii. Hanya seramai 67.1% Pegawai Perubatan Siswazah (PPS) sahaja yang berjaya menamatkan latihan siswazah dalam tempoh 2 tahun manakala 32.9% PPS lagi mengambil masa yang lebih lama mengakibatkan berlakunya *backlog* (dengan izin) kerana slot-slot latihan sedia ada mengambil masa yang lebih lama untuk dikosongkan.

KKM telah melaksanakan beberapa inisiatif untuk mempercepatkan lantikan graduan perubatan dan memendekkan tempoh masa menunggu bagi menjalani latihan siswazah tersebut iaitu:

- i. Perubahan dasar pelantikan graduan perubatan secara tetap kepada lantikan secara kontrak mulai Disember 2016. Sehubungan dengan ini penempatan boleh dibuat tidak bergantung kepada perjawatan dan hanya bergantung kepada slot;
- ii. Meningkatkan bilangan Hospital Latihan Siswazah (HLS) termasuklah penempatan di Klinik Kesihatan untuk tujuan latihan;
- iii. Melanjutkan pelaksanaan moratorium bagi Penawaran Kursus Baru Bidang Perubatan di Institut Pengajian Tinggi (IPT) dalam negara selama 5 tahun sehingga 2021; dan
- iv. Meningkatkan perkhidmatan kepakaran di hospital sedia ada melalui penempatan pakar-pakar baru dan sedia ada di KKM bagi membolehkan mereka bertindak sebagai penyelia kepada PPS berkenaan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : PUAN HAJAH SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF [RANTAU PANJANG]

TARIKH : 11 APRIL 2019

SOALAN : 12

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah langkah proaktif Kerajaan dalam memastikan keselamatan golongan wanita daripada menjadi mangsa jenayah di tempat awam seperti yang berlaku dalam kes rompakan di dalam lif stesen MRT.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pelbagai usaha dan inisiatif yang telah dilaksanakan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) dalam meningkatkan tahap keselamatan dan kesejahteraan rakyat. Pemeriksaan rutin terhadap tempat dan lokasi yang berisiko dan berpotensi berlaku jenayah sering diadakan oleh anggota '*front-liner*'. Antara langkah yang telah diambil oleh PDRM adalah seperti:

- i) Unit MPV adalah satu elemen yang menjadi '*front liner*' dalam melaksanakan tugas rondaan di setiap kawasan perumahan dan bertindak sebagai '*First Responder*' terhadap mana-mana insiden yang berlaku jenayah, ketenteraman awam, krisis, bencana dan kemalangan jalan raya;
- ii) Unit Rondaan Bermotosikal (URB) akan membuat rondaan di kawasan yang menjadi kawasan tumpuan ramai, kawasan perumahan dan stesen-stesen pengangkutan awam di samping

meningkatkan kesedaran kepada masyarakat dengan memberi maklumat mengenai tindakan yang perlu diambil sekiranya berlaku jenayah;

- iii) Pihak Polis telah mengambil inisiatif baru dengan memperkenalkan satu aplikasi baru bagi menyalurkan sebarang maklumat melalui aplikasi Volunteer Smartphone Patrol (VSP). Aplikasi ini, memberi kemudahan kepada pengguna telefon pintar untuk menyalurkan maklumat atau aduan dilengkapi gambar dan video. Setiap maklumat pengguna aplikasi ini dirahsiakan bagi menjamin keselamatan pengguna; dan
- iv) Mengadakan perbincangan dengan syarikat-syarikat kemudahan awam untuk menempatkan lebih ramai anggota Polis Bantuan di stesen-stesen khususnya di kawasan-kawasan yang berisiko dan di waktu malam. PDRM juga turut mencadangkan supaya lampu-lampu dan pemasangan CCTV dipertingkatkan di kawasan berkenaan.

Usaha PDRM mengurangkan jenayah juga perlu dibantu oleh semua pihak termasuk badan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan masyarakat sendiri juga berperanan untuk mendidik dan menggalakkan orang ramai tampil ke hadapan membantu dalam menyalurkan maklumat-maklumat kepada pihak berkuasa.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN MUSLIMIN BIN YAHAYA[SUNGAI BESAR]

TARIKH : 11.4.2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 13

Tuan Muslimin bin Yahaya [Sungai Besar] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan memberi penjelasan sejauh mana KPM memastikan 615 kursus diploma vokasional mendapat pengiktirafan MQA.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa berusaha untuk memastikan semua program yang ditawarkan di kolej vokasional mendapat akreditasi oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, MQA telah memproses sebanyak 615 program Diploma Vokasional Malaysia (DVM) untuk penilaian Akreditasi Sementara. 612 program daripada jumlah tersebut iaitu 99.5 peratus telah diberi Perakuan Akreditasi Sementara selama 5 tahun.

Perakuan Akreditasi Sementara yang diberi menunjukkan program DVM yang ditawarkan telah memenuhi kualiti minimum bagi tujuan pengendalian program berkenaan. Ini seterusnya dapat melancarkan proses penilaian Akreditasi Penuh kelak.

Manakala untuk penilaian Akreditasi Penuh, proses untuk memuktamadkan akreditasi dijangka selesai pada pertengahan tahun 2019.

NO. SOALAN : 13

Bagi memastikan program ini mendapat pengiktirafan, beberapa usaha telah dilaksanakan oleh KPM. Antaranya ialah:

1. Mengadakan satu Bengkel Perdana Pemantapan Akreditasi Program TVET Kolej-kolej Vokasional bersama-sama MQA pada 12-13 Disember 2018 bertujuan untuk memberi bimbingan dalam mematuhi dan membuat penambahbaikan terhadap pematuhan kepada standard dan kriteria jaminan kualiti program-program yang ditawarkan;
2. Mengadakan kolaborasi dengan Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) dari segi perkongsian sumber pendidikan (peralatan, kepakaran tenaga pengajar);
3. Mengadakan kolaborasi bersama *Malaysian Technical University Network* (MTUN) melalui *sharing resources*; dan
4. Menjalinkan hubungan kerjasama dengan industri melalui pemindahan teknologi bagi program yang ditawarkan.

KPM percaya bahawa sistem pendidikan TVET akan terus berperanan sebagai *game changer* dalam menghasilkan modal insan berkemahiran tinggi dengan meningkatkan daya saing tenaga kerja tempatan serta menjadi nadi utama pembangunan negara.

Sekian, terima kasih.

RJM 153

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK SERI HAJI AHMAD BIN HAMZAH
[JASIN]**

TARIKH : 11 APRIL 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 14

Minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN** menyatakan kedudukan kewangan Kementerian ini kerana ramai pengusaha SME mengharapkan bantuan dari Kementerian tersebut dan mereka telah dimaklumkan bahawa Kementerian belum menerima peruntukan seperti geran pelaksanaan pengkomersialan vendor. Sekiranya benar, apakah tindakan yang sedang diambil untuk mempercepatkan pangagihan bantuan-bantuan berkenaan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Bagi tahun 2019, Kementerian Pembangunan Usahawan (MED) telah diluluskan peruntukan perbelanjaan sebanyak RM323.89 juta. Daripada jumlah tersebut, RM293.89 juta merupakan peruntukan bagi perbelanjaan pembangunan berbentuk geran manakala RM30 juta berbentuk pinjaman. Peruntukan tersebut telah disalurkan kepada semua agensi di bawah Kementerian bagi membiayai program-program pembangunan usahawan.

2. Bagi dana Geran Penyelidikan dan Pengkomersialan Vendor Bumiputera (GPPV), peruntukan yang diluluskan adalah sebanyak RM6 juta bagi tahun 2019. Peruntukan ini merupakan sebahagian daripada jumlah peruntukan keseluruhan di bawah RMKe-11 berjumlah RM30 juta.

3. Seperti tahun-tahun sebelum ini peruntukan ini akan disalurkan kepada *Malaysian Industrial Development Finance Berhad (MIDF)* selaku pihak yang dilantik bagi memantau dan mengurus proses pembayaran balik (*reimbursement*) kepada vendor yang berjaya. Iklan bagi tawaran permohonan dana GPPV 2019 dijadualkan untuk dibuka pada pertengahan April 2019 hingga 30 Mei 2019.

Sekian, terima kasih.

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 11 APRIL 2019 (KHAMIS)

**DARIPADA : TUAN AKMAL NASRULLAH BIN MOHD NASIR
[Johor Bahru]**

SOALAN : 15

Tuan Akmal Nasrullah Bin Mohd Nasir [Johor Bahru] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang membentangkan laporan Majlis Penasihat Kerajaan (CEP) dan sejauh mana tindakan diambil terhadap segala rekomendasi CEP.

JAWAPAN: YB DATUK LIEW VUI KEONG
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Seperti mana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Yang Amat Berhormat Langkawi telah menjawab soalan berkaitan CEP semasa Waktu Pertanyaan-Pertanyaan Menteri pada 4 April 2019.
2. Seperti yang telah dimaklumkan oleh Yang Amat Berhormat Langkawi, laporan CEP adalah tertakluk di bawah bidang kuasa dan menjadi urusan rasmi kerajaan. Sehubungan itu, semua ahli CEP, dan pegawai yang terlibat secara langsung tertakluk di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972, dengan izin, *Official Secret Act*.
3. CEP hanya berperanan sebagai badan penasihat, dan kerajaan perlu berhati-hati dalam memutuskan sama ada laporan tersebut wajar didedahkan ataupun tidak, kerana beberapa hasil dapatan mereka memerlukan penyiasatan lanjut oleh pihak berkuasa yang berkaitan. Ini bagi mengelakkan polemik yang mungkin boleh menjejaskan hasil siasatan dan keyakinan pelabur. Apa yang penting, semua cadangan penambahbaikan yang diterima, dilaksanakan sebaik mungkin demi kesejahteraan dan kestabilan ekonomi negara.
4. Berkaitan rekomendasi CEP pula, laporan akhir CEP telah pun dibentangkan kepada YAB Perdana Menteri dan arahan pelaksanaannya telah pun diserahkan kepada pusat Governans Integrity dan Antirasuah Nasional (GIACC) dan Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri ataupun ICU JPM untuk diselaraskan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN MOHD SHAHAR ABDULLAH
[PAYA BESAR, PAHANG]**

TARIKH : 11 APRIL 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 16

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan:-

- (a) perkembangan terkini Program Podium dan Kita Juara, jumlah terkini atlet dan jurulatih asing dalam program ini; dan
- (b) berapakah jumlah atlet dan jurulatih asing yang telah meletak jawatan, ditamatkan kontrak sejak Mei 2018 sehingga kini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian melalui Majlis Sukan Negara (MSN) dan Insitut Sukan Negara (ISN) telah melakukan penstrukturan semula program latihan Podium dan Kita Juara pada bulan November 2018. Program latihan atlet yang diletakkan di bawah pengurusan MSN memberi penekanan kepada prestasi atlet (*performance based*) berdasarkan sasaran pingat di temasya Sukan Olimpik, Sukan Komanwel, Sukan Asia dan Sukan SEA. Prestasi atlet akan dijadikan penentu kepada imbuhan latihan atlet. Manakala, bagi sukan-sukan yang tidak dipertandingkan di peringkat Olimpik pula, pihak Kementerian akan memberi perhatian kepada kejohanan-kejohanan berprestij di peringkat dunia yang akan menjadi indikator kepada prestasi atlet.

2. Mesyuarat Jawatankuasa Pemilihan Atlet telah diadakan pada 4 dan 5 Disember 2018 bagi memilih atlet-atlet terbaik yang akan membawa cabaran negara ke temasya Sukan SEA 2019, Filipina serta persiapan ke arah temasya Sukan Olimpik 2020. Jawatankuasa ini yang terdiri daripada MSN, ISN dan Majlis Olimpik Malaysia (MOM) telah mengenal pasti seramai 503 orang atlet untuk ditawarkan ke dalam program latihan di bawah kendalian 104 jurulatih (22 jurulatih luar negara dan 82 jurulatih tempatan) secara sepenuh masa dan separuh masa yang melibatkan 25 sukan. Bagi program Paralimpik, seramai 146 atlet para di bawah kendalian 32 jurulatih (1 jurulatih luar negara dan 31 jurulatih tempatan) yang melibatkan 13 sukan.

3. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, di bawah program kendalian MSN, sejak bulan Mei 2018 hingga kini, seramai tujuh (7) atlet *able* telah menolak tawaran. 23 atlet telah menamatkan kontrak dengan selesainya Temasya Sukan Asia 2018, manakala terdapat 18 atlet yang kontraknya telah berakhir pada 31 Disember 2018. Bagi program Podium ISN pula, seorang (1) atlet *able* telah digugurkan. Penolakan dan penamatan tawaran kontrak atlet adalah berdasarkan kepada prestasi semasa, status kecederaan, komitmen peribadi mahupun keinginan untuk bersara daripada arena sukan. Program Para (dibawah program Kita Juara) pula, tiada atlet yang digugurkan atau menarik diri daripada program.

4. Sehingga bulan Mac 2019, seramai 12 orang jurulatih asing daripada program Podium ISN dan Kita Juara telah berhenti atau ditamatkan perkhidmatan dengan pecahan berikut:

- (a) empat (4) jurulatih telah meletak jawatan; dan
- (b) lapan (8) lagi tidak disambung perkhidmatannya.

5. Di samping itu, tujuh (7) orang jurulatih asing daripada program tersebut telah ditawarkan kontrak baru. Proses penggantian jurulatih ini telah dan sedang dilakukan di mana Persatuan Sukan Kebangsaan akan mencadangkan jurulatih-jurulatih yang berkelayakan untuk membimbing skuad negara. Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB PUAN NOORITA BINTI SUAL
(TENOM)

TARIKH : 11 APRIL 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 19

Minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah langkah yang diambil bagi membantu mempromosikan kemasukan pelajar lepasan sekolah menengah dari kawasan luar bandar bagi memasuki Institut Latihan Perindustrian.

PN-1412- L03905

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kemasukan pelajar ke Institut Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM) yang terdiri daripada 23 buah Institut Latihan Perindustrian (ILP), 8 buah Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC) dan sebuah *Japan-Malaysia Technical Institute (JMTI)* adalah terbuka kepada semua golongan belia lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Pelbagai aktiviti promosi diadakan bagi mempromosi kemasukan pelajar lepasan sekolah menengah menyertai pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional (TVET) di 32 buah ILJTM di seluruh Malaysia. Promosi yang dibuat adalah seperti penyertaan pameran, memenuhi undangan ceramah kerjaya di sekolah-sekolah dan penganjuran pelbagai aktiviti yang melibatkan komuniti setempat.

2. Selain itu, JTM turut melibatkan diri dalam pelbagai karnival di peringkat Kebangsaan yang dianjurkan oleh pelbagai Kementerian yang berkaitan Latihan Kemahiran seperti 'Karnival Jom Masuk U' anjuran Kementerian Pendidikan dan Karnival & Ekspo Kemahiran Kebangsaan (KEKK) anjuran Jabatan Pembangunan Kemahiran dan lain-lain lagi.

3. JTM melalui Unit Promosi di setiap ILJTM di seluruh negara menganjurkan program promosi atau *outreach* kepada belia-belia Malaysia terutama anak-anak muda kawasan kampung bagi

SOALAN NO: 17

memperkenalkan kursus-kursus yang dijalankan di seluruh ILJTM. Program-program promosi yang dilaksanakan ini bertujuan untuk membuat pengambilan pelajar, memberi pendedahan kepada golongan sasaran mengenai program pembelajaran sepanjang hayat, dan memberi kesedaran kepada mereka mengenai peluang-peluang menyertai latihan kemahiran yang disediakan oleh JTM. Di antara pendekatan yang dilaksanakan bagi mempromosikan peluang latihan kemahiran di ILJTM adalah seperti berikut:

- i. mengadakan ceramah peluang latihan kepada para pelajar sekolah;
- ii. lawatan pelajar sekolah ke institute;
- iii. mengadakan ceramah ke sekolah-sekolah;
- iv. membuat jaringan kerjasama dengan industri dan komuniti setempat;
- v. menyertai jemputan pameran peluang pendidikan;
- vi. menghantar rencana, artikel atau bahan bertulis ILJTM di media cetak;
- vii. iklan di media elektronik seperti facebook, laman web; dan
- viii. iklan pengambilan pelajar akhbar-akhbar utama bagi setiap sesi pengambilan.

4. Setiap tahun JTM membuat pengiklanan kemasukan ke ILJTM pada bulan Mac dan September di akhbar-akhbar utama, sementara aktiviti-aktiviti susulan dan promosi secara berterusan kepada rakyat dan kumpulan sasaran dilaksanakan oleh setiap ILJTM.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI REEZAL MERICAN B. NAINA
MERICAN [KEPALA BATAS]**

TARIKH : 11 APRIL 2019 (RABU)

SOALAN NO. 18

DATO' SERI REEZAL MERICAN B. NAINA MERICAN [KEPALA BATAS] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kejayaan lawatan delegasi Kementerian Kewangan ke Jepun awal Februari yang baru lalu. Nyatakan kriteria pemilihan Daiwa Capital, Mizuho Bank dan HSBC sebagai "*lead arrangers*" kepada Samurai Bond; berbanding 6 cadangan akhir yang dicadangkan kepada Kementerian Kewangan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pihak Kementerian telah mengadakan program *roadshow* mengenai penerbitan bon Samurai untuk bertemu dengan para pelabur di Tokyo, Jepun dari 7 hingga 8 Februari 2019. Delegasi Malaysia telah mengadakan 14 sesi pertemuan *one-to-one* dengan pengurus dana, pelabur dan penganalisis. Satu sesi pembentangan berkumpulan bersama dengan lebih daripada 30 buah institusi dan pengurus dana serta mesyuarat bersama *Japan Bank for International Cooperation* (JBIC) turut diadakan. Semasa perjumpaan tersebut, para pelabur telah menunjukkan minat mendalam terhadap penerbitan bon tersebut dan ini mencerminkan tahap keyakinan mereka terhadap prestasi ekonomi dan pasaran kewangan Malaysia.

2. Lanjutan daripada itu pada 8 Mac 2019, Kerajaan Malaysia telah menerbitkan bon Samurai bertempoh matang 10 tahun yang dijamin oleh *Japan Bank for International Cooperation* (JBIC) dengan kos keseluruhan kepada Kerajaan Malaysia sebanyak 0.63% setahun. Saiz terbitan berjumlah 200 bilion yen (RM7.2 bilion) adalah terbitan bon berdaulat jaminan JBIC yang terbesar dalam pasaran kewangan Jepun. Perlu ditegaskan bahawa kos keseluruhan bon samurai ini adalah amat rendah

pada 0.63% setahun apabila dibandingkan dengan kos bon dollar US yang diterbitkan menerusi Goldman Sachs pada bulan Mei 2012 iaitu sebanyak 5.99% setahun.

3. Terbitan ini telah menerima sambutan yang amat memberangsangkan daripada pelbagai institusi dan pelabur Jepun yang berkualiti di mana ia telah dilanggan oleh 46 pelabur Jepun yang terdiri daripada bank-bank khusus (37.9%), bank-bank bandar (35%), syarikat insurans (13.9%), bank wilayah (6.5%), bank *shinkin* (3.8%) dan lain-lain (2.9%). Tawaran belian yang diterima adalah sebanyak 324.7 bilion yen (RM11.9 bilion) dan ini merupakan lebihan langganan sebanyak 1.6 kali ganda berbanding saiz terbitan.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Bagi melaksanakan penerbitan bon Samurai, Kerajaan Malaysia telah melantik tiga buah bank sebagai pengatur utama bersama atau *joint-lead arrangers* (JLAs) iaitu Mizuho Bank (Malaysia) Berhad, HSBC Bank Malaysia Berhad dan Affin Hwang Investment Bank Berhad dengan kerjasama Daiwa Securities Group Inc. Pemilihan JLAs telah dilaksanakan secara *Request For Proposal* (RFP). Kementerian Kewangan telah mengeluarkan RFP kepada 34 Institusi Kewangan yang beroperasi di Malaysia dan berdaftar dengan Bank Negara Malaysia (BNM) dan juga kepada 3 institusi kewangan antarabangsa yang tidak berdaftar dengan BNM tetapi merupakan antara bank-bank pelaburan utama di Jepun. Daripada jumlah keseluruhan tersebut, Kementerian Kewangan telah menerima 14 RFP yang mencadangkan penerbitan bon Samurai.

5. Kementerian Kewangan telah membuat penilaian terperinci bagi melantik JLAs menerusi sebuah Jawatankuasa Teknikal yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Perbendaharaan. Antara parameter utama yang diambil kira semasa penilaian tersebut adalah pengalaman dan kepakaran bank tersebut sebagai JLAs; kefahaman mengenai kedudukan ekonomi dan kewangan negara; kebolehan dan kemampuan bank tersebut untuk mempromosi Malaysia kepada para pelabur; kedudukan dalam lima tangga teratas dalam jadual liga (*league table*) bon/sukuk yang terkini; dan pematuhan peraturan *Foreign Exchange Administration* (FEA) Rules.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAPAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN OSCAR LING CHAI YEW (SIBU)

TARIKH : 11 APRIL 2019 (KHAMIS)

SOALAN

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan status pembinaan Littoral Mission Ship :-

- (a) pembayaran kepada China mengikut pecahan tahun dan Offset Program yang ditawarkan oleh China; dan
- (b) teknologi yang dipindah ke Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Maklumat pembayaran kepada China bagi pembinaan *Littoral Mission Ship* (LMS) mengikut pecahan tahun ialah seperti berikut:

- 1. Tahun 2017 : RM189.37 juta;
- 2. Tahun 2018 : RM164.17 juta; dan
- 3. Tahun 2019 (hingga 25 Februari 2019) : RM54.82 juta.

Antara Program Offset yang telah ditawarkan oleh pihak China Shipbuilding and Offshore International Co. Ltd (CSOC) termasuklah:

- 1. *Technical Data Package- Competency Development for BN Shipyard in LMS Ship Design Technology*; dan

2. *Transfer of Knowledge and skills to BN Shipyard on Naval Ship Construction.* Kesemua Program Offset ini berjumlah RM216.66 juta.

Pemindahan pengetahuan dan teknologi (*Transfer of Knowledge and Tecnology – ToKaT*) oleh CSOC kepada Boustead Naval Shipyard Sdn Bhd (BNS) ini melibatkan pengurusan projek, pakej data teknikal, teknologi reka bentuk kapal LMS, dokumentasi, lukisan dan manual melalui pengetahuan serta pengalaman yang terdapat pada CSOC.

Pemindahan pengetahuan dan teknologi ini akan mempercepatkan dan memendekkan tempoh masa pembuatan kapal LMS ini. Bagi kes yang melibatkan penyediaan reka bentuk kapal tempur, ia melibatkan tiga fasa iaitu fasa reka bentuk asas, fasa reka bentuk pembinaan dan fasa reka bentuk pengeluaran. Ini turut mewujudkan kepakaran dalam struktur reka bentuk LMS, pemilihan peralatan, sistem integrasi dan akan memberi manfaat kepada benifisiari terutamanya yang melibatkan keupayaan syarikat tempatan dalam melaksanakan reka bentuk kapal, kejuruteraan, pemasangan, pengujian dan aktiviti-aktiviti sokongan yang lain.

Secara tidak langsung, pemindahan pengetahuan dan teknologi ini juga dapat meningkatkan keupayaan sumber tenaga kerja, kemahiran dan kompetensi pekerja tempatan. Seramai 12 pegawai dan anggota dari Pasukan Projek LMS TLDM dan 9 jurutera dari *Boustead Naval Shipyard Project Management Team* telah ditempatkan di China sepanjang tempoh pembinaan kapal untuk membolehkan mereka mempelajari dengan izin, *Know-How* dalam pembinaan kapal ini.

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN ABDUL LATIFF BIN ABDUL RAHMAN
KAWASAN : KUALA KRAI
TARIKH : 11 APRIL 2019 (KHAMIS)

SOALAN :

YB TUAN ABDUL LATIFF BIN ABDUL RAHMAN minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah langkah yang telah diambil untuk memastikan Jalan FT066 Sungai Sam-Jelawang diselenggara sepenuhnya sebagaimana jalan-jalan Persekutuan yang lain.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jalan Dabong – Sungai Sam iaitu jalan Persekutuan FT66 yang berada dalam Parlimen Kuala Krai melibatkan panjang jalan sebanyak 43.9km.

Kementerian Kerja Raya menyediakan program penyenggaraan turapan berdasarkan notis kerosakan (Notice of Defects / NOD) yang disediakan oleh syarikat konsesi penyenggaraan jalan persekutuan. Melalui NOD ini, Kementerian Kerja Raya akan menyenaraikan program penyenggaraan turapan ini mengikut keutamaan dan keperluan mendesak untuk dikemukakan kepada Kementerian Kewangan bagi kelulusan peruntukan. Pelaksanaan program penyenggaraan ini adalah tertakluk kepada kelulusan peruntukan dari Kementerian Kewangan.

Bagi kerosakan jalan seperti jalan berlubang, kerja tampalan lubang dilaksanakan dalam tempoh 24 jam di bawah skop penyenggaraan rutin. Kerja penampalan lubang ini ialah langkah awal atau kaedah “*preventive*” bagi tujuan faktor keselamatan pengguna jalan sebelum kerja-kerja turapan kekal dilaksanakan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, beberapa program penyenggaraan telah dilaksanakan pada tahun 2018 seperti:

1. penyenggaraan Jambatan Dabong yang berjumlah RM 250 ribu;
2. menyenggara jalan yang rosak serta membina longkang di Kampung Kuala Gris yang melibatkan kelulusan kos berjumlah RM 300,000.00.

Manakala bagi program penyenggaraan turapan pada tahun 2019, melalui peruntukan tambahan yang telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan sebanyak RM800 ribu telah diperuntukan bagi melaksanakan kerja-kerja

penyelenggaraan turapan di seksyen 15.0 – 18.0.

Kementerian Kerja Raya sentiasa komited untuk melaksanakan program penyenggaraan jalan di Jalan Persekutuan terutamanya penyenggaraan turapan serta memastikan semua Jalan Persekutuan sentiasa berada dalam keadaan selamat dan selesa untuk digunakan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 11 APRIL 2019 [KHAMIS]

DARIPADA : DATO' ROSOL BIN WAHID [HULU TERENGGANU]

SOALAN

DATO' ROSOL BIN WAHID [HULU TERENGGANU] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah **jumlah tanah-tanah wakaf yang masih belum dibangunkan setakat tahun 2018** mengikut negeri. Apakah rancangan pembangunan yang sedang dirangka oleh Kerajaan ke atas tanah-tanah wakaf tersebut.

JAWAPAN : (YB DATO' DR. MUJAHID BIN YUSOF, MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang Di Pertua,

Di Malaysia, hal-ehwal berkaitan agama terletak sepenuhnya di bawah kuasa Sultan di setiap negeri dan Sultan mewakilkan kuasa tersebut

kepada Majlis Agama Islam Negeri-negeri (MAIN) untuk bertanggungjawab dalam mengendalikan urusan tersebut termasuklah hal-ehwal berkaitan wakaf. Ini kerana perkara wakaf merupakan salah satu aspek harta keagamaan yang disenaraikan di bawah Senarai II, Senarai Negeri, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan yang diletakkan di bawah bidang kuasa negeri-negeri di Malaysia.

Berdasarkan kepada Kajian Pelan Induk Transformasi Pembangunan Harta Tanah Wakaf di Malaysia dan sumber dari MAIN pada tahun 2013, jumlah keluasan tanah-tanah wakaf yang belum dibangunkan adalah 1,236.91 hektar yang mewakili 3,202 lot.

Tuan Yang Di Pertua,

Kerajaan Persekutuan akan memfokuskan pembangunan ke atas tanah-tanah wakaf dengan menyalurkan peruntukkan pembangunan kepada Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) dalam usaha membantu MAIN meningkat dan menjaga ekonomi umat Islam. Pembangunan yang dirancang meliputi lima (5) kategori projek iaitu sosial, ekonomi, pendidikan, kesihatan dan perumahan sepertimana yang dinyatakan di dalam Rancangan Malaysia Ke-Sebelas (RMKe-11).

Sekian, terima kasih

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN HAJI AWANG BIN HASHIM [PENDANG]

TARIKH : 11 APRIL 2019

SOALAN : NO. 22

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah peruntukan tahunan untuk Ahli Parlimen 2019 akan diberi dan adakah peruntukan untuk Ahli Parlimen pembangkang yang telah ditetapkan sebanyak RM100 ribu akan dinaikkan.

JAWAPAN: YB DATUK WIRA DR. MD FARID BIN MD RAFIK
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan telah meluluskan Peruntukan Khas YAB Perdana Menteri untuk kawasan Parlimen Bukan Kerajaan sebanyak RM100 ribu untuk tahun 2019. Peruntukan ini diuruskan oleh Pejabat Pembangunan Negeri di negeri masing-masing. Yang Berhormat boleh berurusan dengan Pejabat Pembangunan Negeri berkaitan dengan peruntukan ini.

Buat masa ini, peruntukan adalah bergantung kepada kedudukan semasa kewangan kerajaan.

Sekian, terima kasih.

PERTANYAAN-PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' SERI AHMAD FAIZAL BIN
DATO' AZUMU (TAMBUN)**

TARIKH : 11 APRIL 2019

NO. SOALAN : 23

YB DATO' SERI AHMAD FAIZAL BIN DATO' AZUMU minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah strategi jangka masa panjang Kerajaan Pusat dalam usaha memperkasakan kedudukan sosioekonomi komuniti Orang Asal.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Jabatan Perdana Menteri menerusi Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) telah menyediakan Pelan Strategik JAKOA 2016-2020 yang menjadi hala tuju yang jelas bagi memajukan masyarakat Orang asli setanding dengan masyarakat perdana. Di bawah Fokus Ekonomi Mampan, teras strategik bagi meningkatkan ekonomi masyarakat Orang Asli telah direncana kemas dengan tumpuan diberikan kepada empat (4) program untuk pertanian/perladangan iaitu Projek Perladangan, Program Hands Holding, Program Bantuan Input Pertanian dan Kursus Pengembangan Pertanian.

Melalui usaha-usaha yang dilaksanakan oleh Kerajaan, beberapa program telah menunjukkan penambahbaikan ekonomi kepada Orang Asli. Sebagai contoh, sehingga Januari 2019 Program Tanam Semula Komersial (TSK) dengan kerjasama Pihak Berkuasa Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) dan Rancangan Orang Asli (ROA) dengan kerjasama Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan (FELCRA) telah melaksanakan 204 projek dengan pulangan faedah kepada 13,021 peserta Orang Asli yang menerima dividen bulanan bergantung kepada prestasi ladang dan harga komoditi.

Selain itu, Kerajaan juga telah berusaha meningkatkan pendapatan Orang Asli melalui beberapa program keusahawanan. Berdasarkan kepada fokus yang sama dalam Pelan Strategik JAKOA, pelbagai bantuan berbentuk geran dan insentif keusahawanan telah diberikan kepada Orang Asli untuk meningkatkan pendapatan serta taraf hidup mereka. Sepanjang RMKe-11, sebanyak 225 jenis bantuan iaitu sama ada bantuan geran, premis perniagaan, bantuan peralatan atau latihan/kursus telah diterima oleh golongan usahawan Orang Asli. Aktiviti pemantauan ke atas usahawan juga telah dilaksanakan dari semasa ke semasa. Melalui pengemaskinian data yang dijalankan seramai 121 orang daripada 225 orang penerima bantuan (53.7%) telah berjaya meningkatkan pendapatan mereka sebanyak 30%. Manakala, sebanyak 74 usahawan (32%) telah berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).

Usaha Kerajaan bagi meningkatkan ekonomi Orang Asli turut memfokuskan kepada Koperasi Orang Asli. Kursus-kursus kemahiran koperasi secara in-house kepada Ahli Lembaga Koperasi (ALK) Orang Asli dengan kerjasama Maktab Koperasi Malaysia (MKM) telah diatur dan JAKOA juga menyediakan geran Koperasi Orang Asli bagi membantu pihak koperasi mengembangkan perniagaan mereka. Sehingga kini, sebanyak 4 buah koperasi Orang Asli telah menerima bantuan geran koperasi bernilai RM545,000.00. JAKOA akan meneruskan usaha-usaha untuk meningkatkan ekonomi masyarakat Orang Asli ke arah pembangunan sosioekonomi melalui penambahbaikan yang dilaksanakan seperti melaksanakan usaha sama bersama agensi-agensi teknikal dalam program pembangunan ekonomi dan pemasaran produk usahawan.

Selain itu, JAKOA juga sedang menilai potensi eko-pelancongan untuk diperluaskan di perkampungan Orang Asli sebagai salah satu program untuk dilaksanakan bagi meningkatkan pendapatan. Penambahbaikan juga dilaksanakan untuk mengenal pasti tanaman-tanaman komersial lain yang mempunyai pasaran seperti koko melalui kerjasama dengan Lembaga Koko Malaysia untuk diusahakan oleh Orang Asli. Usaha penambahbaikan juga dilaksanakan dalam pembangunan tanah melalui peluasan Program Ladang Masyarakat Orang Asli dengan penglibatan peserta dan dilaksanakan secara gotong-royong.

Justeru itu, usaha dan kerjasama semua agensi secara berterusan akan dilaksanakan untuk memastikan taraf hidup dan kehidupan masyarakat Orang Asli dipertingkatkan seiring dengan pembangunan negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK DR. JEFFREY GAPARI KITINGAN
[KENINGAU]**

TARIKH : 11 APRIL 2018 (KHAMIS)

SOALAN NO. 24

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang membina pelabuhan darat di Keningau/Sook supaya ia akan memesatkan pembangunan dan industri di pedalaman Sabah.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, pembangunan pelabuhan di suatu kawasan berupaya untuk mewujudkan kegiatan perdagangan seterusnya meningkatkan taraf sosio ekonomi penduduk di kawasan berkenaan. Pelaksanaan fungsi-fungsi pelabuhan maritim oleh pelabuhan darat ini dapat membantu meningkatkan kecekapan pengangkutan dan penghantaran barangan susulan daripada peningkatan trafik pengendalian kargo di pelabuhan maritim.
2. Dalam hubungan ini, pembangunan pelabuhan darat di suatu kawasan adalah tertakluk di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri yang mana Kementerian Pengangkutan berpandangan bahawa ia perlu dirancang dengan rapi dan dilaksanakan secara holistik mengambil kira keperluan pembangunan infrastruktur lain seperti jaringan jalan raya, jaringan rel kereta api serta jarak di antara pelabuhan maritim dan pelabuhan darat. Selain itu, aspek perundangan dan kawal selia pelabuhan darat perlu diberikan perhatian dan keutamaan supaya ia dapat berfungsi dengan lancar dan berkesan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI MOHD
FAKEH [SABAK BERNAM]**

TARIKH : 11 APRIL 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 25

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan setakat manakah keharmonian pelbagai kaum di negara ini masa kini serta nyatakan langkah Kerajaan bagi memastikan keharmonian ini terus terjamin dari setiap sudut kepada semua kaum supaya setiap rakyat saling memahami serta menghormati hak, kepercayaan dan amalan agama masing-masing walaupun dari pelbagai latar belakang etnik, budaya dan agama yang berbeza.

JAWAPAN

Yang Di Pertua,

Hubungan etnik di Malaysia masih baik, namun risiko perkauman didapati semakin meningkat dan sekiranya tidak ditangani dengan baik ianya akan menyebabkan rakyat mengutamakan kepentingan etnik masing-masing dalam tindakan hidup yang akan membawa kepada gejala negatif seperti stereotaip, prejudis, perkauman dan diskriminasi yang menebal dalam kalangan masyarakat. Ini kerana masalah integrasi antara kaum merupakan fenomena biasa dalam kalangan masyarakat majmuk seperti di Malaysia yang rakyatnya terdiri dari pelbagai kaum, agama dan budaya seperti Malaysia. Justeru, Kerajaan melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (PERPADUAN) telah mengambil langkah-langkah bagi memastikan keharmonian antara kaum terus terjamin dari setiap sudut agar rakyat saling memahami dan menghormati hak, kepercayaan dan amalan agama masing-masing. Antara langkah strategik yang diambil oleh PERPADUAN adalah seperti berikut:

- a) PERPADUAN telah mewujudkan Jawatankuasa Mempromosikan Persefahaman dan Keharmonian Antara Penganut Agama (JKMPKA) sebagai satu platform bagi mempromosikan keharmonian antara penganut agama di peringkat akar umbi. Usaha jawatankuasa ini tertumpu kepada meningkatkan kefahaman terhadap pelbagai agama, membincangkan isu-isu yang boleh menggugat keharmonian agama dan ketenteraman masyarakat, mencadangkan dasar-dasar kepada Kerajaan yang berteraskan nilai agama serta melaksanakan program atau aktiviti kemasyarakatan bersama-sama pihak Kerajaan.
- b) Melalui JKMPKA juga, pelbagai program dan aktiviti berunsur kemasyarakatan dilaksanakan bertujuan untuk menangani pelbagai sentimen negatif yang bersangkutan-paut dengan isu-isu keagamaan. Contoh program dan aktiviti yang dianjurkan oleh jawatankuasa ini adalah Dialog Antara Penganut Agama, Program "Harmony Walk", Forum Keharmonian Antara Penganut Agama, Lawatan ke Rumah Ibadat dan sebagainya yang

membuka minda pelbagai penganut yang menyertai program-program sedemikian bagi memahami, menghormati dan menghargai kepelbagaian yang wujud dalam kalangan masyarakat Malaysia.

- c) PERPADUAN juga bekerjasama dengan JKMPKA dan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di Malaysia dalam melaksanakan Sambutan Minggu Keharmonian Antara Penganut Agama Sedunia (*World Interfaith Harmony Week*) dalam bulan Februari setiap tahun dan Sambutan Hari Toleransi Sedunia (*International Tolerance Day*) pada November setiap tahun. Kedua-dua program ini diadakan bagi menggalakkan semua negara anggota PBB mempromosikan nilai-nilai sejagat (*universal values*) yang menjadi pegangan semua agama bagi menjalinkan hubungan rapat dan persefahaman antara penganut pelbagai agama serta menolak sebarang bentuk ekstremisme yang boleh merosakkan institusi masyarakat.
- d) Mencari penyelesaian terhadap isu-isu perkauman dan agama yang dimanipulasikan dan diviralkan sehingga boleh menyebabkan perpecahan kaum dengan melakukan aktiviti pendamaian di peringkat akar umbi melalui khidmat 1,130 orang Mediator Komuniti di seluruh negara. Melalui khidmat mediasi tersebut, sebarang isu perkauman atau sentimen agama yang timbul di peringkat komuniti dapat dikawal dan diselesaikan sebelum ianya dimanipulasikan oleh pihak-pihak tertentu sehingga menular menjadi isu besar.
- e) Menyemai nilai-nilai murni kepada lebih 35,000 orang kanak-kanak di bawah umur 6 tahun melalui 1,781 buah Tabika Perpaduan di seluruh negara agar mereka dididik dan dibimbing mengenai kepelbagaian yang wujud dalam masyarakat negara ini sejak kecil lagi agar nilai-nilai murni dapat dipupuk dalam kalangan mereka sejak dari peringkat anak-anak supaya mengamalkan keperibadian mulia dengan sifat cintakan tanah air serta boleh menyesuaikan diri untuk hidup dalam masyarakat pelbagai kaum dan budaya. lebih Dalam masa yang sama untuk menggalakkan dan meningkatkan persefahaman dan interaksi

dalam kalangan ibu bapa yang terdiri dari pelbagai latarbelakang etnik, agama, budaya dan bahasa, mereka digalakkan untuk menyertai bersama penganjuran aktiviti-aktiviti Kelas Tabika Perpaduan seperti aktiviti gotong-royong bagi menceriakan suasana Tabika Perpaduan ataupun Hari Keluarga.

- f) Menggalakkan silang kerjaya dan kefahaman budaya di syarikat-syarikat milik bumiputera dan bukan bumiputera melalui penyertaan mahasiswa bumiputera dan bukan bumiputera melalui Program Latihan Industri Perpaduan (PLIP) di mana ia merupakan satu platform bagi para mahasiswa untuk menimba pengalaman kerja di samping mempelajari budaya rakan sekerja mereka di syarikat-syarikat tersebut agar mereka lebih memahami secara mendalam mengenai kepelbagaian masyarakat Malaysia apabila melangkah ke dunia pekerjaan sebenar yang lebih mencabar.
- g) Pelajar-pelajar melalui 6,458 Kelab Rukun Negara (KRN) di peringkat sekolah dan mahasiswa melalui 164 Sekretariat Rukun Negara (SRN) di peringkat institusi pengajian tinggi di seluruh negara digalakkan melaksanakan pelbagai program di peringkat sekolah / institusi masing-masing bagi menerapkan pengamalan dan penghayatan prinsip-prinsip Rukun Negara. Melalui platform ini, pelajar-pelajar didedahkan kepada pelbagai aktiviti kenegaraan supaya pelajar mempelajari, mengetahui dan menghormati agama, kepercayaan dan adat resam serta kebudayaan kaum lain.

PERPADUAN akan terus melipatgandakan usaha-usaha membina perpaduan dalam kalangan masyarakat Malaysia agar rakyat negara ini dapat menghargai perpaduan yang dikecapi selama ini bagi terus menjamin keamanan dan keharmonian negara ini.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN MESYUARAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN RUBIAH BINTI HAJI WANG [KOTA SAMARAHAN]

TARIKH : 11 APRIL 2019 (KHAMIS)

SOALAN :

Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan] minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan apakah bantuan yang akan dipertingkatkan untuk membantu golongan petani komoditi negara yang semakin terhimpit dengan keadaan komoditi antarabangsa yang tidak menentu serta harga yang juga mengalami kejatuhan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Antara masalah utama yang dihadapi oleh industri sawit pada hari ini adalah ketidakstabilan harga dan lebihan paras stok minyak sawit tempatan yang memberikan impak secara tidak langsung kepada pendapatan pekebun kecil. Sehubungan itu, antara usaha Kerajaan untuk membantu pekebun kecil sawit adalah seperti berikut:

- (a) memberikan bantuan melalui Skim Tanam Baharu Sawit untuk pekebun kecil sebanyak RM7,500 sehektar bagi Semenanjung Malaysia dan RM9,000 sehektar di Sabah dan Sarawak;
- (b) memberikan diskaun sehingga 20% melalui Skim Insentif Mekanisasi Ladang Sawit (OPIMIS) kepada pengusaha ladang; dan
- (c) memperuntukkan dana antara RM3,000 hingga RM11,000 untuk pelaksanaan program integrasi tanaman dan integrasi ternakan dengan sawit.

Bagi pekebun kecil getah, kerajaan terus membantu dengan melaksanakan langkah-langkah seperti berikut:

- (a) penambahbaikan pelaksanaan Insentif Pengeluaran Getah (IPG) dengan kenaikan Paras Harga Pengaktifan (PHP) IPG daripada RM2.20 kepada RM2.50 sekilogram getah sekerap;
- (b) peruntukan sebanyak RM6.4 juta melalui mekanisme penetapan harga di ladang sebagai modal pusingan kepada koperasi yang terlibat dalam aktiviti urus niaga getah; dan
- (c) peruntukan sebanyak RM 132.25 juta pada tahun ini dalam bentuk geran di bawah Program *High Impact Project* (HIP) Tanam Baharu dan Tanam Semula Getah (TBTS) yang meliputi pemberian input pertanian, pembelian peralatan dan latihan kepada pekebun kecil Sabah dan Sarawak.

Bagi komoditi kenaf pula, kerajaan melalui Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara (LKTN) telah menyediakan insentif seperti berikut:

- (a) penyediaan input pertanian dan mekanisasi kepada pekebun kecil sebanyak RM2,385 sehektar bagi pengeluaran fiber dan RM3,000 sehektar untuk pengeluaran benih; dan
- (b) pemberian jaminan pembelian balik hasil kenaf yang telah dihasilkan oleh pekebun kecil dengan harga RM12 sekilogram bagi benih kenaf dan RM500/tan bagi batang kering.

Bagi komoditi lada, Kerajaan telah menyediakan peruntukan sebanyak RM10 juta pada tahun ini untuk pelbagai bantuan seperti input dan peralatan pertanian, latihan dan kursus kepada pekebun lada di bawah Program Pembangunan Kawasan Penanaman Baharu Lada. Manakala bagi komoditi koko, kerajaan telah menyediakan insentif input pertanian, khidmat nasihat dan kursus pemindahan teknologi untuk menggalakkan pekebun untuk terus menjalankan penanaman koko mengikut Amalan Pertanian Baik (GAP) supaya pekebun kecil dapat memperolehi harga yang lebih baik dan stabil mengikut harga pasaran antarabangsa.

Sekian terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN TEH KOK LIM [TAIPING]

TARIKH : 11 APRIL 2019 [KHAMIS]

SOALAN NO. 27

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan permintaan rumah kos rendah atau bantuan perumahan di Parlimen Taiping dan rancangan Kementerian untuk memenuhi permintaan tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, penyediaan rumah kos rendah seperti Program Perumahan Rakyat (PPR) oleh KPKT adalah tertakluk kepada perkara - perkara berikut :

- i. penyediaan tapak yang strategik oleh Kerajaan Negeri;
- ii. data permohonan perumahan yang disediakan oleh pihak Kerajaan Negeri melalui Lembaga Perumahan Negeri; dan
- iii. kelulusan peruntukan kewangan oleh Kerajaan Persekutuan kepada KPKT

2. Sehubungan itu, bagi memenuhi permintaan perumahan oleh rakyat termasuklah di Parlimen Taiping, Kerajaan mengalu-alukan permohonan dari Kerajaan Negeri Perak untuk membina rumah kos rendah atau sederhana rendah tertakluk kepada perkara-perkara yang dinyatakan.

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD
RAMLI [DUNGUN]**

TARIKH : 11.04.2019 (KHAMIS)

SOALAN : 28

Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli [Dungun] minta PERDANA MENTERI menyatakan statistik bilangan ahli politik yang disiasat oleh SPRM mengikut pecahan parti mulai Januari 2013 sehingga Februari 2019.

JAWAPAN: YB DATUK LIEW VUI KEONG
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Yang Berhormat,

Untuk makluman Yang Berhormat Dungun, statistik bilangan ahli politik yang disiasat oleh SPRM mengikut pecahan parti bagi 5 tahun berturut-turut dari tahun 2015 sehingga Februari 2019 adalah seperti berikut:

TAHUN	BARISAN NASIONAL (BN)	DAP	PKR	PAS	PARTI PERIBUMI BERSATU	PARTI AMANAH NEGARA	JUMLAH BESAR
2015	8	0	1	0	0	0	9
2016	7	2	3	1	0	0	13
2017	11	2	3	0	0	0	16
2018	30	1	6	0	1	0	38
2019 (sehingga Februari)	3	0	0	2	0	0	4
JUMLAH	59	5	13	3	1	0	80

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DR. KELVIN YII LEE WUEN [BANDAR KUCHING]

TARIKH : 11 APRIL 2019

SOALAN : 29

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berkenaan langkah-langkah untuk menangani perjudian '4D' haram yang semakin berleluasa di Kuching dan juga seluruh Sarawak, yang bukan sahaja menyebabkan kerugian kepada negara dari aspek cukai pendapatan tetapi juga meningkatkan masalah sosial terutamanya di kalangan golongan muda.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Dalam Negeri melalui Polis Diraja Malaysia (PDRM) amat komited dalam menangani judi haram di dalam negara sehingga ke akar umbi. PDRM mengambil maklum segala pandangan yang disuarakan oleh pelbagai pihak dan akan melipatgandakan lagi usaha untuk memastikan kemelut perjudian haram ini dapat dibendung dengan lebih berkesan.

Pelbagai usaha telah dilaksanakan untuk memerangi aktiviti perjudian sepertimana pengumuman oleh Ketua Polis Negara (KPN) pada 20 Julai 2018 telah mengarahkan semua Ketua Polis Negeri untuk membuka bilik gerakan khas bertujuan menerima aduan daripada masyarakat berhubung kegiatan judi di kawasan mereka. Masyarakat boleh membuat aduan secara terus kepada bilik gerakan yang beroperasi 24 jam sehari melalui talian yang telah disediakan. Selain itu Ketua Polis Daerah akan dipertanggungjawab sepenuhnya jika didapati masih terdapat aktiviti perjudian masih berlaku dalam daerahnya, tindakan

drastik akan diambil dengan menukarkannya secara serta merta dan tindakan tatatertib juga akan diambil jika siasatan yang dijalankan mendapati beliau terlibat dalam melindungi dalang perjudian haram ini.

Statistik Tangkapan Loteri Awam mengikut daerah bagi Kontinjen Sarawak pada tahun 2018 adalah sebanyak 1593 serbuan dan 1796 jumlah tangkapan dengan hasil rampasan wang berjumlah RM558,469.00.

Usaha yang lebih berkesan untuk menangani aktiviti perjudian haram daripada terus wujud atau beroperasi semula lebih tertumpu kepada penglibatan masyarakat dalam menyalurkan maklumat kepada pihak polis dan kesedaran masyarakat umum itu sendiri untuk menghindari aktiviti yang tidak sihat ini.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK HALIMAH BINTI MOHAMED
SADIQUE [KOTA TINGGI]**

TARIKH : 11 APRIL 2019 [KHAMIS]

SOALAN NO. 30

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan bilangan peneroka FELDA masa kini dan nyatakan apakah usaha FELDA bagi memastikan pembangunan mapan bagi meningkatkan sosioekonomi dan kesejahteraan warga FELDA dan setakat manakah FGV Holdings Berhad (FGV) mampu memastikan FELDA menjadi institusi ekonomi dan sosial yang teguh yang melibatkan warga peneroka.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sepertimana Yang Berhormat sedia maklum, Kertas Kertas Putih “Kelestarian Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)” yang telah dibentangkan di Dewan Rakyat pada 10 April 2019 menggariskan beberapa langkah pemerkasaan bagi pemulihan FELDA. Langkah pemulihan yang dicadangkan akan memberi manfaat kepada 112,635 orang peneroka FELDA.
2. Model baharu yang dicadangkan merangkumi inisiatif jangka pendek, sederhana dan panjang bagi memastikan pembangunan tanah rancangan FELDA terus mampan. Perincian langkah penyelesaian dan hala tuju FELDA telah dijelaskan secara terperinci dalam Bab 5, Kelestarian dan Kemandirian FELDA, Kertas Putih “Kelestarian Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)”.

Tuan Yang di-Pertua,

3. FGV sentiasa bekerja secara rapat dengan FELDA khususnya di dalam aspek Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) bagi menghasilkan benih tanaman berkualiti tinggi yang bukan sahaja mampu meningkatkan hasil tanaman peneroka malah memberikan hasil pendapatan yang lebih baik kepada mereka.

4. FGV yang memiliki kepakaran dan pengetahuan di dalam bidang pengurusan ladang turut berkongsi dan membimbing para peneroka FELDA berhubung Amalan Pertanian Baik (*Best Agricultural Practices*) supaya ianya dapat diterap dan diamalkan ke dalam pengurusan ladang-ladang mereka. Manakala bagi memastikan hasil ladang peneroka menepati piawaian tertentu di peringkat antarabangsa, FGV turut membantu FELDA dan juga para peneroka mereka di dalam persijilan RSPO dan MSPO agar hasil yang dikeluarkan dari ladang-ladang mereka ini turut diiktiraf di peringkat antarabangsa selain memenuhi keperluan yang ditetapkan. Sebagai pulangan, pengiktirafan ini membolehkan sumber hasil dari ladang milik mereka terus diyakini dan tentunya ini menggalakkan lagi permintaan minyak sawit lestari di kalangan pengeluar produk-produk berasaskan sawit terkemuka dunia seperti Procter & Gamble (P&G), Nestlé, Ferrero Rocher dan banyak lagi.

5. Akhir sekali, bagi memastikan manfaat sosial diperolehi oleh FELDA dan warganya, FGV secara konsisten turut menyalurkan sumbangan kepada Yayasan FELDA bagi membiayai kegiatan sosial peneroka dan generasi baharu FELDA. Sebagai contoh, di dalam tahun 2018, FGV telah menyumbang sebanyak RM5.0 juta kepada badan tersebut dan menerusi sumbangan ini, Yayasan FELDA telah dapat memanfaatkannya bagi tujuan pendidikan, kesihatan, ekonomi, sosial dan kebudayaan masyarakat peneroka FELDA.

Sekian, terima kasih.

Kementerian Hal Ehwal Ekonomi

11 April 2019

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN WONG LING BIU (SARIKEI)

TARIKH : 11 APRIL 2019

SOALAN : NO. 31

Tuan Wong Ling Biu [Sarikei] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan ada berapakah kategori keluarga eKasih. Siapakah yang layak menerima bantuan rumah eKasih dan agensi manakah yang akan melaksanakan bantuan ini.

JAWAPAN: YB DATUK WIRA DR. MD FARID BIN MD RAFIK
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan telah membangunkan Sistem eKasih sebagai satu pangkalan data kemiskinan nasional yang bertujuan untuk mendaftarkan golongan miskin di Malaysia dan mengklasifikasikan kepada kategori Miskin Tegar atau Miskin berdasarkan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) semasa melalui proses verifikasi di lapangan. Kriteria penetapan kategori kemiskinan adalah bergantung kepada jumlah pendapatan per kapita isi rumah dan berasaskan kepada formula perkiraan yang telah disediakan oleh Kementerian Hal Ehwal Ekonomi dan Jabatan Perangkaan Malaysia melalui Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah 2016 ataupun *Household Income Survey 2016*. Sebagai contoh, jika pendapatan bulanan per kapita Ketua Isi Rumah (KIR) berada di bawah RM153, KIR tersebut dikategorikan sebagai Miskin Tegar.

Di samping itu, terdapat tiga kategori status kemiskinan di dalam sistem eKasih iaitu miskin tegar, miskin dan terkeluar. Takrifan isi rumah miskin tegar semasa yang diguna pakai oleh Kerajaan adalah berdasarkan

PGK berasaskan makanan. Sekiranya sesebuah isi rumah mempunyai pendapatan bulanan kurang daripada PGK makanan, iaitu pendapatan yang mencukupi bagi membolehkan isi rumah tersebut memenuhi keperluan asas dari segi nutrisi makanan yang minimum yang membolehkan setiap ahlinya mempunyai tubuh badan yang sihat, maka ia dikategorikan isi rumah miskin tegar. Manakala, sesebuah isi rumah dikategorikan miskin sekiranya pendapatan bulanan kurang daripada PGK makanan iaitu pendapatan mencukupi untuk memenuhi keperluan asas dari segi makanan dan bukan makanan. Bagi kategori terkeluar pula ianya merujuk kepada sesebuah isi rumah yang mempunyai pendapatan melebihi PGK.

Sistem eKasih juga bertujuan merekod maklumat bantuan bagi mengelakkan sebarang pertindihan atau ketirisan penyaluran bantuan/program kepada golongan miskin. Sistem eKasih memberi ruang kepada semua agensi pemberi bantuan yang terlibat dalam program pembasmian kemiskinan di peringkat Persekutuan dan Negeri mengakses data/maklumat kemiskinan yang sama.

Terdapat dua kementerian utama yang melaksanakan bantuan rumah kepada isi rumah eKasih iaitu Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Kriteria dan penentuan isi rumah yang layak menerima bantuan ini adalah tertakluk kepada kementerian pelaksana ini.

Bagi bantuan rumah di bawah KPLB, kumpulan sasar Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) adalah KIR miskin tegar dan miskin yang ditentukan berdasarkan PGK tahun 2016 yang sedang berkuat kuasa. Kriteria kumpulan sasar penerima bantuan PPRT yang layak adalah seperti berikut:

- (a) KIR disahkan sebagai miskin tegar atau miskin yang berdaftar dalam sistem eKasih; atau
- (b) diperaku dan disahkan layak oleh Mesyuarat *Focus Group* Pembasmian Kemiskinan Peringkat Daerah (FGD) atau Negeri (FGN) atau jawatankuasa yang setara dengannya di peringkat negeri; atau

- (c) diperaku oleh agensi-agensi kerajaan yang terlibat dalam program pembasmian kemiskinan; atau
- (d) diperaku oleh jawatankuasa di peringkat Kementerian

Agensi pelaksana bagi PPRT adalah terdiri daripada agensi seperti berikut:

- (a) Giatmara;
- (b) Lembaga Kemajuan Wilayah seperti berikut;
 - (i) Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA)
 - (ii) Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA)
 - (iii) Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA)
 - (iv) Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR)
 - (v) Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH)
- (c) Pejabat Daerah

Di bawah KPKT terdapat dua program bantuan rumah kepada isi rumah eKasih. Bantuan program-program ini menggunakan Peruntukan Pembangunan P32 di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11). Bantuan yang pertama adalah program Bantuan Baik Pulih Rumah Daif di Bandar. Skop program Baik Pulih Rumah ini adalah membaik pulih rumah yang mengalami kerosakan atau disebabkan factor bencana alam/musibah seperti banjir, gempa bumi, ribut dan kebakaran. Walaubagaimanapun, rumah tersebut masih boleh diduduki dan masih ekonomik untuk dibaiki. Kadar bantuan baik pulih rumah ini adalah sebanyak RM13,000 bagi sebuah rumah di Semenanjung Malaysia dan RM15,000 bagi sebuah rumah di Sabah dan Sarawak. Sebanyak RM15 juta diperuntukan bagi melaksanakan program ini pada tahun 2019. Statistik penerima bantuan Baik Pulih Rumah ini dari tahun 2016 hingga 2018 adalah seperti berikut:

SOALAN NO : 31

TAHUN	PERUNTUKAN (RM)	BELANJA (RM)	JUMLAH PESERTA
2016	21,990,000.00	21,588,593.80	2,152
2017	21,459,553.83	19,899,906.33	1,817
2018	25,000,000.00	21,089,768.78	1,538

Sumber: Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT)

Program yang kedua di bawah bantuan perumahan KPKT adalah program yang dinamakan Rumah Sejahtera. Skop projek Rumah Sejahtera ini adalah pembinaan rumah bagi menggantikan rumah keluarga miskin yang terbakar atau usang yang tidak ekonomik untuk dibaiki dan tidak selamat untuk diduduki. Pmbinaan rumah dilaksanakan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JPBM), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Agensi Kerajaan lain yang berkaitan dengan kerjasama Komuniti setempat melalui Program Sayangi Rakyat. Kadar bantuan program Rumah Sejahtera ini adalah sebanyak RM40,000 bagi sebuah rumah di Semenanjung Malaysia dan RM50,000 bagi sebuah rumah di Sabah dan Sarawak. Statistik penerima bagi program Rumah Sejahtera ini adalah seperti berikut:

TAHUN	PERUNTUKAN (RM)	BELANJA (RM)	JUMLAH PESERTA
2017	1,710,000.00	1,704,324.46	41
2018	1,250,000.00	637,134.75	16

Sumber: Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT)

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAPAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI HISHAMMUDDIN BIN TUN
HUSSEIN (SEMBRONG)**

TARIKH : 11 APRIL 2019 (KHAMIS)

SOALAN:

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan adakah Kementerian akan meneruskan IKRAR sebelum ini untuk menaiktaraf lima Hospital Angkatan Tentera yang melibatkan proses penggantian kelengkapan perubatan, peralatan serta naiktaraf bangunan bagi menyediakan perkhidmatan kesihatan yang setaraf dengan pusat perubatan swasta.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Di dalam tindakan Pelan Transformasi Perkhidmatan Kesihatan Angkatan Tentera 2017-2050, peningkatan kualiti perkhidmatan kesihatan dan perubatan kepada anggota ATM dan keluarga mereka serta veteran adalah diberi perhatian.

Peruntukan kewangan untuk kerja-kerja menaiktaraf Hospital Angkatan Tentera Terendak telah pun diluluskan dan dalam peringkat akhir semakan skop kerja. Manakala bagi Hospital Angkatan Tentera Lumut, Hospital Angkatan Tentera Tuanku Mizan dan Hospital Angkatan Tentera Wilayah Kota Kinabalu, keperluan peruntukan untuk menaiktaraf struktur bangunan dan penggantian kelengkapan serta peralatan perubatan telah pun didaftarkan di bawah projek baru RMK-11 *Rolling Plan* ke 4 (RP-4) tahun 2020. Bagi Hospital Tentera Darat Gemas, projek menaiktaraf hospital akan didaftarkan semula bergantung kepada peruntukan kewangan semasa kerajaan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN NOOR AMIN BIN AHMAD
[KANGAR]
TARIKH : 11 APRIL 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 33

Y.B. TUAN NOOR AMIN BIN AHMAD [KANGAR] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah rancangan-rancangan yang dibuat oleh Kerajaan bagi menangani potensi ketirisan di bawah cukai SST.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, masalah ketirisan kutipan hasil adalah merupakan perkara yang perlu ditangani bukan sahaja di dalam sistem percukaian SST tetapi juga di dalam semua jenis sistem percukaian. Sehubungan itu, di bawah sistem SST, Kerajaan telah mengambil beberapa langkah bagi menangani perkara tersebut, antaranya ialah:

- i. Perkongsian maklumat secara berterusan antara Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Lembaga Hasil Dalam Negeri dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia;
- ii. Penilaian risiko serta auditan yang lebih efisien oleh JKDM dengan menggunakan pangkalan data yang telah dibangunkan semasa era GST; dan
- iii. Memantap dan menambahbaik peraturan-peraturan cukai jualan dan cukai perkhidmatan di bawah model baharu SST berbanding SST terdahulu.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS
[JERANTUT]**

TARIKH : 11 APRIL 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 34

Minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN** menyatakan berapakah jumlah dana yang disediakan Kementerian bagi membiayai program pembangunan keusahawanan wanita pada tahun 2019 untuk meningkatkan penyertaan wanita dalam perniagaan

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Kementerian Pembangunan Usahawan (MED) komited untuk membangunkan usahawan secara inklusif, bersasar dan berkesan bagi memastikan usahawan lebih inovatif serta produktif, sekaligus membolehkan aktiviti keusahawanan meningkatkan sumbangan kepada KDNK. Justeru, program-program MED adalah bersifat inklusif termasuklah pembangunan usahawan wanita.
2. Bagi tahun 2019, agensi di bawah MED seperti TEKUN Nasional, telah mensasarkan penyaluran pembiayaan sebanyak RM175 juta kepada 12,000 usahawan wanita. Jumlah pembiayaan yang ditawarkan adalah sehingga RM100,000. Manakala tempoh bayaran balik pembiayaan di antara enam (6) bulan sehingga 10 tahun dengan kadar keuntungan sebanyak 4%.

3. Manakala di bawah SME Corp., 10 bengkel telah dirancang di bawah Program *Women Netpreneur* bagi membantu usahawan wanita untuk memula dan mengembangkan perniagaan mereka secara atas talian. Program ini dilaksanakan dengan kerjasama Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) dan *Gorgeous Geeks Malaysia*, dengan rakan strategik seperti *Shopee*, *11street*, *Lelong*, *Facebook*, *Buy Malaysia (MPay)* dan *Global Data Halal Pool*.

4. INSKEN telah diperuntukkan sejumlah RM336,000.00 bagi penganjuran program “mentoring/coaching” selama empat (4) bulan untuk program-program berikut yang majoritinya disertai oleh usahawan wanita iaitu:-

- a. INSKEN Business Coaching: Postnatal Care - RM103,000.00
- b. INSKEN Business Coaching: SPA – RM103,000.00
- c. INSKEN Business Coaching: SPA@Sarawak – RM130,000.00

5. SME Bank juga menawarkan dana pembiayaan kepada usahawan wanita sehingga RM1 juta di bawah program *MySMELady* dengan tempoh bayaran sehingga tujuh (7) tahun bergantung kepada terma dan syarat.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI IKMAL HISHAM BIN ABDUL
AZIZ [TANAH MERAH]**

TARIKH : 11 APRIL 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 35

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan sejauh manakah serius ancaman cili import beracun dari Vietnam yang masuk ke negara ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ancaman cili import daripada Vietnam yang dikatakan beracun tidaklah begitu signifikan. *Kementerian Kesihatan Malaysia* melalui *Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan* telah menjalankan pemantauan terhadap cili import di pintu masuk negara dan pasaran tempatan pada tahun 2018 dan mendapati hanya kira-kira 4.2% daripada sampel cili yang dianalisis tidak mematuhi *Akta Makanan 1983* dan *Peraturan-Peraturan Makanan 1985* berkaitan sisa racun perosak.

Manakala Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani pula akan memastikan **hanya cili yang mematuhi prosedur Sanitasi dan Fitosanitasi (SPS), bebas penyakit dan mempunyai paras sisa baki racun pada tahap yang dibenarkan sahaja** untuk memasuki pasaran tempatan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI ANIFAH
BIN AMAN@HANIFF AMMAN [KIMANIS]**

TARIKH : 11 APRIL 2019 (RABU)

SOALAN NO. 36

DATUK SERI ANIFAH BIN AMAN@HANIFF AMMAN [KIMANIS] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bilakah Kerajaan Persekutuan dapat memulakan pembayaran apa yang tertunggak oleh Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Sabah dan Sarawak seperti apa yang telah dipersetujui di bawah Perjanjian Malaysia 1963 setelah Kerajaan berjaya mengutip jumlah cukai tertinggi sebanyak RM137.035 bilion baru-baru ini dan Menteri Kewangan pernah menyatakan bahawa Kerajaan Persekutuan memang nak bayar namun masa itu mempunyai kekangan kewangan, walaubagaimanapun dengan kejayaan jumlah kutipan cukai yang banyak kini keadaan kewangan Kerajaan Persekutuan telah berubah.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini,

1. Mesyuarat Jemaah Menteri pada 5 September 2018 telah bersetuju dengan penubuhan Jawatankuasa Khas Kabinet untuk menyemak pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963 dan membuat pengesyoran kepada Kerajaan Persekutuan berhubung dengan pelaksanaan hak dan tanggungjawab kepada Sabah dan Sarawak.
2. Jawatankuasa ini, yang terdiri daripada wakil Persekutuan serta Sabah dan Sarawak, diberi tempoh selama enam (6) bulan untuk melaksanakan kajian dan semakan ke atas isu-isu yang dibangkitkan termasuklah isu kewangan serta dijadualkan melengkapkan laporan hasil rundingan pada pertengahan tahun ini.
3. Dalam hal ini, Kerajaan Persekutuan perlu meneliti dengan lebih terperinci isu-isu yang dibangkitkan dengan mengambil kira kemampuan serta kedudukan kewangan semasa Kerajaan Persekutuan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN SANISVARA NETHAJI RAYER A/L RAJAJI
[JELUTONG]**

TARIKH : 11 APRIL 2019

SOALAN : 37

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji [Jelutong] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan bilakah kerja-kerja pembinaan kuarters baru untuk anggota polis di Balai Polis Jelutong di Pulau Pinang dijangka akan bermula.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Unit Perancang Ekonomi (EPU), Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA) telah meluluskan permohonan projek untuk kerja-kerja pembaikan kuarters Polis DiRaja Malaysia (PDRM) di seluruh Malaysia bagi pelaksanaan pada Tahun 2019, *Rolling Plan* Keempat (RP4), Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11). Di bawah Parlimen Jelutong, pihak PDRM telah menyenaraikan cadangan pembinaan Balai Polis Jelutong yang baharu dalam Pelan Strategik Polis DiRaja Malaysia (PSPDRM) Lima Tahun.

Pada ketika ini, pihak Kementerian sedang memberi tumpuan dan keutamaan kepada projek pembinaan balai polis dan kuarters mengikut keperluan dalam membendung aktiviti jenayah dan memastikan tahap keselamatan terjamin. Disamping itu, keutamaan juga diberikan kepada tempat tinggal anggota polis yang uzur dan perlu dibaiki demi kebajikan anggota. Cadangan projek ini akan dimasukkan dalam *Rolling Plan* (RP) berikutnya sekiranya terdapat keperluan mendesak untuk dilaksanakan setelah semakan keutamaan dibuat.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN AHMAD TARMIZI BIN SULAIMAN
[SIK]**

TARIKH : 11.4.2019 (KHAMIS)

SOALAN : 38

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan langkah yang telah dirancang untuk melaksanakan projek bantuan baik pulih rumah rakyat termiskin daerah Sik dan juga bantuan untuk baik pulih rumah penduduk penempatan Bandar Baru Beris Jaya, Sik yang rosak akibat bencana ribut lebih setahun yang lalu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian komited dengan misi untuk meningkatkan kesejahteraan masyarakat luar bandar. Pada tahun ini, sejumlah RM11.79 juta diperuntukkan kepada negeri Kedah bagi Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT).

Daripada jumlah tersebut, RM1.02 juta telah diperuntukkan kepada daerah Sik bagi membina baru 8 unit rumah PPRT serta membaik pulih 50 unit rumah. Permohonan tambahan boleh dipertimbangkan bergantung kepada kecukupan peruntukan. Antara penerima bantuan PPRT Baik Pulih tahun ini termasuklah tiga (3) rumah mangsa ribut di penempatan Bandar Baru Beris Jaya, Sik yang menepati syarat kelayakan dalam Tatacara Pelaksanaan PPRT KPLB.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) menetapkan bahawa bantuan bina baru atau baik pulih rumah diberikan kepada mangsa bencana yang berskala kecil dan tergolong dalam kumpulan miskin dan miskin tegar.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN
[SELAYANG]**

TARIKH : 11 APRIL 2019 (RABU)

SOALAN NO. 39

TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN [SELAYANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan keadaan sebenar ekonomi negara kita pada masa kini dan cabaran-cabaran ekonomi yang kita hadapi sekarang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) benar berkembang 4.7 peratus pada 2018 dipacu oleh perbelanjaan swasta serta prestasi perdagangan luar yang kukuh. Aktiviti penggunaan swasta meningkat 8.1 peratus disokong oleh kestabilan pasaran buruh, peningkatan gaji dan upah serta kadar inflasi yang terkawal. Eksport kasar negara juga kekal teguh mencatat pertumbuhan 6.7 peratus manakala import kasar meningkat 4.9 peratus. Dari sudut penawaran, pertumbuhan diterajui oleh sektor perkhidmatan yang mencatat pertumbuhan kukuh sebanyak 6.8 peratus dan pembuatan yang berkembang 5 peratus.

2. Meskipun prestasi ekonomi kekal berdaya tahan, Malaysia sebagai sebuah negara yang mengamalkan dasar ekonomi terbuka sentiasa terdedah kepada risiko ketidaktentuan persekitaran global. Antara risiko persekitaran luar yang dihadapi termasuk ketidaktentuan dasar negara maju, peningkatan konflik perdagangan, volatiliti pasaran kewangan dan harga minyak serta ketegangan geopolitik. Walau bagaimanapun, asas ekonomi yang kukuh, sistem kewangan yang teguh serta paras rizab antarabangsa yang kekal tinggi diyakini mampu menjadi penampakan dan memperlahankan kesan ke atas ekonomi dalam menghadapi sebarang kejutan luar dan memastikan pengantaraan kewangan terus berfungsi tanpa gangguan. Di samping itu, kepelbagaian struktur ekonomi dan

perdagangan serta kadar pertukaran matawang yang fleksibel terus memainkan peranan penting sebagai penyerap risiko luar tanpa menjejaskan aktiviti ekonomi domestik.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Kerajaan sentiasa mengambil langkah proaktif dalam menghadapi sebarang ketidaktentuan ekonomi global termasuk meningkatkan daya tahan ekonomi dengan mempelbagaikan sumber pertumbuhan serta memperkukuh daya saing ekonomi dan kedudukan fiskal negara. Kerajaan melalui Belanjawan 2019 dan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas telah menggariskan pelbagai inisiatif bagi memperkukuh pertumbuhan ekonomi, memperkasa modal insan, meningkatkan produktiviti, memperkukuh keupayaan inovasi dan teknologi negara di samping memastikan kesejahteraan rakyat.

4. Melalui pelbagai inisiatif ini yang disokong oleh asas ekonomi yang kukuh, diyakini aktiviti ekonomi domestik akan terus meningkat dan seterusnya membantu dalam mengimbangi risiko ketidaktentuan ekonomi global. Mengambil kira perkembangan ekonomi terkini dan pelbagai langkah yang diambil oleh Kerajaan, pada tahun 2019 ekonomi negara dijangka berkembang menghampiri pertumbuhan potensi.

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TAN SRI ANNUAR BIN MUSA
KAWASAN : KETEREH
TARIKH : 11 APRIL 2019 (KHAMIS)

SOALAN :

YB TAN SRI ANNUAR BIN MUSA minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan status pelaksanaan pakej 2B Central Spine Kota Bharu-Kuala Krai sehingga kini. Adakah kontrak akan dibatalkan atau akan diteruskan sehingga selesai.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Projek Lebuhraya Kota Bharu ke Kuala Krai, Kelantan, Pakej 2B dari Ketereh ke Kok Lanas sepanjang 6.2km telah dimulakan pada November 2017 dan dijadualkan siap pada November 2020. Kemajuan fizikal di tapak adalah sebanyak 28% dan projek masih diteruskan sehingga kini.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : PUAN WONG SHU QI [KLUANG]

TARIKH : 11 APRIL 2019

SOALAN : 41

Puan Wong Shu Qi [Kluang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan hasil lawatan Turki disertai oleh IGP dan 16 orang pegawai kanan PDRM serta langkah-langkah yang akan dilancarkan oleh PDRM untuk mencegah aktiviti perjudian dalam talian selepas lawatan tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Lawatan kerja yang dibuat oleh pihak PDRM ke Istanbul, Turki pada 8hb hingga 11hb Februari 2019 yang diketuai oleh Ketua Polis Negara bersama 12 orang lagi Pegawai Kanan Polis adalah lawatan rasmi yang telah mendapat kelulusan daripada Kementerian Dalam Negeri.

Lawatan kerja sambil belajar ini ditaja oleh Lembaga Totalisator Malaysia (LTM) yang merupakan sebuah badan berkanun yang ditubuhkan mengikut Akta Perlumbaan (Lembaga Totalisator) 1961 yang diletakan di bawah seliaan Kementerian Kewangan Malaysia. PDRM mempunyai hubungan secara langsung dengan LTM yang berperanan untuk menasihati LTM tentang amalan terbaik (*best practices*) dalam menangani kegiatan bookie haram di kelab-kelab lumba kuda di Malaysia.

Setiap tahun bermula pada tahun 2012, LTM akan memperuntukan sejumlah bajet kepada PDRM untuk tujuan lawatan kerja atau membuat penyelidikan bagi penambahbaikan industri perlumbaan kuda seperti yang dihuraikan di bawah seksyen 4 Akta Perlumbaan (Lembaga Totalisator) 1961. Ahli Lembaga Pengarah LTM boleh meluluskan

peruntukan tanpa perlu merujuk kepada Menteri Kewangan untuk kelulusan.

Lawatan kerja yang pernah diluluskan oleh LTM kepada PDRM seperti berikut:

- i) 12-17 Jun 2012 – Lawatan ke Hong Kong melibatkan 15 orang delegasi daripada Jabatan Siasatan Jenayah dengan peruntukan sejumlah RM 69,763.00;
- ii) 10-14 Jun 2013 – Lawatan Ke Australia melibatkan 10 orang delegasi daripada Jabatan Siasatan Jenayah dengan peruntukan sejumlah RM 95,040.00;
- iii) 1- 6 Mei 2014 - Lawatan Ke Turki, melibatkan 8 orang delegasi daripada Jabatan Siasatan Jenayah dengan peruntukan RM 128,400.00;
- iv) Pada 16 Mac 2017 - Ahli Lembaga Pengarah LTM telah meluluskan peruntukan RM 184,648.00, namun atas sebab kesibukan dan kekangan penugasan, PDRM terpaksa menunda lawatan pada tahun berkenaan dan hanya berkesempatan membuat lawatan pada 8-11 Februari 2019 baru-baru ini ke Turki melibatkan 13 orang Pegawai Kanan Polis yang diketuai oleh Ketua Polis Negara sendiri.

Menyentuh hasil dan menafaat yang diperolehi sepanjang lawatan tersebut, terdapat tiga (3) sesi lawatan telah diadakan bersama Pihak Berkuasa Turki, Antara lokasi lawatan kerja yang diadakan adalah seperti berikut:

- 1) Lawatan ke Ibu Pejabat Istanbul Provincial Police;
- 2) Lawatan ke Veliefendi Race Course; dan
- 3) Lawatan ke Bangunan Jockey Club of Turkey (TJK).

Objektif lawatan yang diatur ke lokasi berkenaan kerana mempunyai kaitan dengan penugasan dalam negara seperti berikut:

- i) Mengadakan perbincangan dua hala antara PDRM dan Pihak Berkuasa Turki mengenai kaedah pembanterasan, dan menangani aktiviti pertaruhan haram secara "*on course*" atau "*off Course*" di kelab-kelab lumba kuda;
- ii) Mendalami isu-isu berkaitan pendakwaan dan pembuktian kes yang dihadapi oleh Pihak Berkuasa Turki dan kaedah yang digunakan bagi mengatasi masalah berkenaan;
- iii) Mengeratkan hubungan dua hala dan kerjasama dengan pihak berkuasa Negara Turki dalam menangani jenayah rentas sempadan dan isu-isu jenayah terkini; dan
- iv) Meningkatkan kualiti siasatan dengan mengambil pendekatan digunakan oleh negara luar dari segi penggubalan undang-undang baru dan penggunaan teknologi terkini selaras dengan peredaran masa.

Lawatan ini juga tidak menimbulkan sebarang konflik kepentingan (*Conflict of Interest*) memandangkan rangka kerja lawatan adalah untuk mencari pendekatan baru yang digunakan oleh negara luar sebagai penanda aras untuk diaplikasikan dalam negara bagi pembanterasan pertaruhan haram di kelab lumba kuda. Di samping itu, lawatan ini adalah teratur dengan menggunakan peruntukan yang dibenarkan oleh undang-undang dan mengikut segala prosedur yang ditetapkan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI HASBI BIN HAJI
HABIBOLLAH [LIMBANG]**

TARIKH : 11 APRIL 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 42

Minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan adakah Kementerian akan meneruskan pembinaan menara-menara telekomunikasi baru di seluruh Sarawak dan khususnya di Limbang sepertimana yang telah dipohon dulu.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan akan meneruskan pembinaan menara-menara telekomunikasi baharu yang tertakluk dengan rancangan kerajaan Negeri Sarawak.
2. Di bawah inisiatif Peluasan Liputan Selular dan Jalur Lebar Mudah Alih yang melibatkan pembinaan menara komunikasi baharu dan penaiktarafan menara komunikasi sedia ada kepada perkhidmatan sehingga 4G, sehingga kini, sebanyak 412 menara komunikasi baharu telah siap dibina dan beroperasi di Sarawak termasuk 9 menara di Parlimen Limbang, manakala sebanyak 57 menara komunikasi baharu di Sarawak sedang dalam peringkat pelaksanaan.
3. Inisiatif ini merupakan tambahan kepada 1,344 menara yang dibangunkan secara komersial oleh pemberi perkhidmatan di Sarawak, termasuklah 27 menara di Parlimen Limbang.

4. Di samping itu, sebanyak 1,161 menara sedia ada di Sarawak termasuk 27 menara sedia ada di Parlimen Limbang telah dinaiktaraf kepada perkhidmatan 3G/4G, manakala 27 menara sedia ada di Sarawak masih dalam peringkat penaiktarafan.
5. Pihak Kerajaan juga akan berkerjasama dengan Sarawak Multimedia Authority (SMA) selaku agensi penyelaras bagi pembangunan komunikasi dan multimedia di negeri Sarawak untuk memastikan kawasan-kawasan yang tidak mempunyai liputan dimasukkan ke dalam pelan perancangan pembangunan infrastruktur komunikasi oleh Kerajaan Negeri.

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA MADIUS
TANGAU [TUARAN]**

TARIKH : 11 APRIL 2019 (KHAMIS)

SOALAN : 43

DATUK SERI PANGLIMA MADIUS TANGAU [TUARAN] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status terkini perancangan perihal tuntutan Sabah supaya Kerajaan Persekutuan Malaysia melaksanakan sepenuhnya Perjanjian Malaysia 1963.

JAWAPAN: YB DATUK LIEW VUI KEONG, MENTERI DI JABATAN
PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jawatankuasa Khas Kabinet Untuk Menyemak Pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963 telah ditubuhkan bagi menyemak dan membuat pengesyoran kepada Kerajaan berhubung pelaksanaan hak-hak dan autonomi Sabah dan Sarawak selaras dengan peruntukan-peruntukan yang terkandung di dalam Perlembagaan Persekutuan, Perjanjian Malaysia 1963 (***Malaysia Agreement 1963***) dan perkara-perkara yang terkandung di dalam "*Chapter 3, Annexes A and B of the Report of the Inter-Governmental Committee, 1962*".

Mesyuarat pertama Jawatankuasa Pemandu telah dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad pada 17 Disember 2018. Mesyuarat ini telah bersetuju supaya satu laporan interim akan dibentangkan dalam tempoh **empat (4) bulan** dan satu laporan akhir akan dibentangkan dalam tempoh **enam (6) bulan** daripada tarikh mesyuarat tersebut.

Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal yang dipengerusikan secara bersama oleh saya dan Peguam Negara, YBhg. Tuan Tommy Thomas telah diadakan sebanyak dua kali pada 14 Januari 2019 dan 18 Februari 2019. Hasil daripada mesyuarat tersebut, Jawatankuasa-Jawatankuasa Kerja telah ditubuhkan untuk meneliti isu-isu yang berkaitan dengan pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963 berdasarkan terma rujukan dan skop kerja yang telah ditetapkan. Antara Jawatankuasa-Jawatankuasa Kerja tersebut adalah:

- a) Kluster Kewangan - diterajui oleh Kementerian Kewangan;
- b) Kluster Ekonomi - diterajui oleh Kementerian Hal Ehwal Ekonomi;
- c) Kluster Sosial (Kerja Raya) - diterajui oleh Kementerian Kerja Raya;
- d) Kluster Sosial (Perkhidmatan Awam) - diterajui oleh Jabatan Perkhidmatan Awam; dan
- e) Kluster Sosial (Sumber Manusia) – diterajui oleh Kementerian Sumber Manusia.

Kesemua Jawatankuasa-Jawatankuasa ini telah melantik ahli-ahlinya dan memulakan perbincangan masing-masing dalam membincangkan secara lanjut tentang isu-isu kajian yang telah dikenal pasti.

Jawatankuasa Khas Kabinet tersebut akan mengambil masa selama 6 bulan untuk mengemukakan laporan terperinci kepada Kerajaan untuk pelaksanaan seterusnya. Kedudukan Sabah dan Sarawak akan dilihat semula secara teliti berdasarkan peruntukan-peruntukan yang ada di bawah Perlembagaan Persekutuan dan Perjanjian Malaysia 1963.

Untuk makluman YB, pihak Jemaah Menteri pada 6 Mac 2019 telah bersetuju agar Sabah dan Sarawak serta Semenanjung Malaysia disamakan sebagai rakan kongsi dan susulan daripada keputusan itu, pindaan perlembagaan terhadap Perkara 1(2) Perlembagaan Persekutuan telah pun dibentangkan di Dewan Rakyat pada 4 April 2019. Walau bagaimanapun, pindaan ini tidak dapat dilaksanakan kerana tidak mendapat undi 2/3 majoriti ahli Dewan Rakyat pada 9 April 2019.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB
[BERA]**

TARIKH : 11 APRIL 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 44

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan berapakah jumlah hutang peneroka kepada pihak FELDA beserta perincian hutang-hutang tersebut serta apakah Kerajaan akan menghapuskan hutang-hutang peneroka seperti yang dijanjikan di dalam manifesto PRU 14 Pakatan Harapan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hutang peneroka dikategorikan kepada tiga kategori iaitu hutang Pembangunan Kebun (terdiri daripada hutang Pembangunan Asal dan Pembangunan Tanam Semula), hutang Sosio Ekonomi (terdiri daripada hutang Pinjaman Pembesaran Rumah, Pinjaman Saham FGV, Skim Insentif Usahawan, Pinjaman Pelajaran Tinggi dan Pinjaman Komputer) dan hutang Baja.
2. Berdasarkan hutang peneroka di ketiga-tiga kategori di atas, hutang Pinjaman Pembangunan Tanam Semula adalah penyumbang terbesar kepada hutang peneroka. Pembangunan tanam semula perlu dilaksanakan apabila kebun tidak lagi ekonomik iaitu pengeluaran hasil rendah dan perbelanjaan kos operasi tinggi. Daripada aspek fizikal tanaman, pokok sawit telah berusia 25 tahun di mana ketinggian pokok melebihi 40 kaki. Majoriti peneroka memerlukan bantuan FELDA untuk menanam semula disebabkan faktor kewangan, kemahiran dan tenaga untuk melaksanakan kerja penanaman semula. Namun, tidak dinafikan

terdapat juga sebahagian kecil peneroka yang berkemampuan untuk membuat penanaman semula dengan dana mereka sendiri.

3. Hutang Pinjaman Pembangunan Tanam Semula ini dipecahkan kepada dua komponen iaitu kos operasi kebun dan pembiayaan peneroka. Kos operasi kebun adalah kerja-kerja pertanian sebelum, semasa dan selepas menanam sehingga pokok berhasil sampai titik pulang modal. Manakala komponen pembiayaan peneroka pula adalah Pinjaman Sara Hidup dan Pinjaman Pendahuluan Hasil. Ia diberikan kepada peneroka sejak tahun 1994 bagi membiayai pendapatan peneroka ketika tempoh tanam semula.

4. Sehingga Disember 2018, baki hutang Pembangunan Kebun adalah sebanyak RM4,394.34 juta melibatkan 75,225 orang peneroka. Baki hutang Sosio Ekonomi pula adalah sebanyak RM1,049.72 juta melibatkan 79,966 orang peneroka. Manakala baki hutang Baja adalah sebanyak RM131.10 juta melibatkan 42,603 orang peneroka. Jumlah keseluruhan baki hutang bagi ketiga-tiga kategori tersebut adalah RM5,575.16 juta.

5. Kementerian mengambil maklum berkaitan hutang Pembangunan Tanam Semula ini dikenakan faedah pada kadar efektif 3.8%. Selain itu, kos jalan pertanian dan isu berkaitan bekalan baja dan lain-lain input pertanian bagi kebun-kebun peneroka juga memberi kesan kepada hutang peneroka.

6. Kertas Putih “Kelestarian Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)” telah mengenal pasti beberapa inisiatif bagi penstrukturan semula hutang peneroka dengan penyusunan semula pinjaman dan penghapusan faedah hutang kebun peneroka serta penambahbaikan pengurusan kutipan pinjaman.

Sekian, terima kasih.

Kementerian Hal Ehwal Ekonomi
11 April 2019

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' DR. HAJI NOOR AZMI BIN GHAZALI
[BAGAN SERAI]**

TARIKH : 11 APRIL 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 45

Minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah strategi Kementerian dalam memperkasakan promosi kesihatan yang terbukti menjadi elemen penting dalam membantu negara mencapai Sustainable Development Global (SDG).

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan menjadikan promosi kesihatan sebagai bidang keutamaan dalam meningkatkan kesejahteraan masyarakat di negara ini. Promosi kesihatan secara asasnya mempunyai peranan penting dalam pencapaian keseluruhan agenda SDG terutamanya dalam SDG 3 iaitu untuk memastikan kesejahteraan hidup dalam semua peringkat umur kehidupan. Promosi kesihatan juga berhubung kait secara langsung dan tidak langsung dalam kesemua 17 SDGs untuk memacu pencapaian ekuiti, pemeraksanaan komuniti dan pemeliharaan hak-hak asasi manusia berkaitan kesihatan. Sebagaimana saranan WHO menerusi *Regional Action Plan on Health Promotion in the Sustainable Development Goals 2018-2030* dan *Shanghai Declaration 2016*, Kementerian Kesihatan Malaysia telah dan sedang melaksanakan pelbagai aktiviti dan program promosi kesihatan menerusi strategi-strategi berikut dalam memperkasakan promosi kesihatan untuk mencapai SDGs :

- i. Meningkatkan literasi kesehatan masyarakat bagi meningkat keupayaan mereka bertindak ke atas penentu-penentu kesihatan (*determinants of health*) yang kompleks;
- ii. Memantapkan tindakan komuniti menerusi mobilisasi komuniti yang lebih fokus;
- iii. Memperkukuhkan kemahiran promosi kesihatan menerusi bina upaya dan intervensi sosial;
- iv. Meningkatkan jaringan kerjasama dan perkongsian pintar sektor awam, swasta dan NGO untuk memantapkan pelaksanaan program promosi kesihatan yang efektif;
- v. Memperkukuhkan pemantauan dan penilaian promosi kesihatan bagi mewujudkan program promosi kesihatan berasaskan bukti (*evidence-based health promotion program*); dan
- vi. Memantapkan kompetensi dan tadbir urus promosi kesihatan kebangsaan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABD. KADIR
[SETIU]**

TARIKH : 11 APRIL 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 46

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan faktor penyebab penangguhan pembentangan Kertas Putih FELDA dan apakah Kerajaan bercadang untuk meneruskan janji penghapusan hutang peneroka FELDA sebagaimana janji dalam manifesto PH untuk PRU 14.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Seperti mana yang telah dimaklumkan melalui kenyataan media MEA pada 10 Disember 2018, penangguhan pembentangan Kertas Putih FELDA adalah berdasarkan nasihat Jabatan Peguam Negara (Attorney General's Chambers – AGC) yang meminta supaya MEA mempertimbangkan semula cadangan pembentangan Kertas Putih pada 10 Disember 2018. Hal ini adalah kerana AGC berpandangan bahawa beberapa isu perundangan perlu diselesaikan sebelum Kertas Putih tersebut boleh dibentangkan di Parlimen. Kerajaan sentiasa prihatin dan akan memberi perhatian ke atas perkara-perkara yang dinyatakan dalam manifesto, termasuk perkara berkaitan peneroka.

2. Kertas Putih “Kelestarian Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)” telah dibentangkan di Dewan Rakyat pada 10 April 2019.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN :LISAN

DARIPADA : TUAN STEVEN CHOONG SHIAU YOON (TEBRAU)

TARIKH : 11 APRIL 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 47

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada peruntukan geran tahunan RM6,000 kepada setiap KRT akan ditingkatkan memandangkan kos sara hidup telah meningkat dengan kadar yang ketara.

JAWAPAN

Yang Di Pertua,

KRT adalah organisasi sukarela yang bernaung di bawah Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (PERPADUAN), Jabatan Perdana Menteri dan merupakan jentera perpaduan di peringkat akar umbi. Kawasan Rukun Tetangga (KRT) dibentuk melalui penetapan sesuatu kawasan yang dipohon oleh pemastautin atau penduduk bagi tujuan memupuk, meningkat dan mengukuhkan semangat kejiranan, perpaduan, kesejahteraan dan kualiti hidup dalam kalangan komuniti.

Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (PERPADUAN) amat menyedari tentang peningkatan kos sara hidup yang semakin ketara pada masa ini. Walau bagaimanapun, pada ketika ini, PERPADUAN masih mengekalkan kadar geran tahunan berjumlah RM6,000 untuk Rukun Tetangga dan akan sentiasa berusaha untuk meningkatkan jumlah geran tersebut kepada kadar yang lebih sesuai dengan keperluan semasa Rukun Tetangga. Pada masa yang sama, Rukun Tetangga juga disarankan untuk mencari sumber kewangan lain melalui projek mendayaupayakan komuniti. Contohnya, cawangan komuniti di bawah kelolaan Rukun Tetangga seperti Jiran Wanita, Jiran Muda dan Skuad Elite Jiran Wanita (SEJIWA) bersama dengan komuniti setempat didorong untuk terlibat dalam projek ekonomi melalui Koperasi RT bagi tujuan meningkatkan kebolehpayaan KRT menjana ekonomi dan meningkatkan pembangunan komuniti.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI HAJI TAJUDDIN BIN ABDUL RAHMAN
[PASIR SALAK]**

TARIKH : 11 APRIL 2019 (KHAMIS)

SOALAN

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kedudukan aset-aset Tabung Haji yang telah diambil alih oleh Kementerian Kewangan.

JAWAPAN : (MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang Dipertua,

SPV yang dimiliki Kerajaan, dikenali sebagai Urusharta Jemaah Sdn Bhd (UJSB), telah mengambil alih aset-aset yang terdiri daripada 106 ekuiti domestik yang tersenarai, satu syarikat perladangan tidak tersenarai dan 29 hartanah.

Jumlah nilai pasaran semasa semua aset yang telah diambil alih oleh UJSB adalah jauh lebih rendah berbanding dengan jumlah nilai perpindahan iaitu pada RM19.9 billion. Sebahagian daripada aset ini mempunyai potensi jangka panjang dan memerlukan masa untuk kembali pulih.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HASSAN BIN ABDUL KARIM
[PASIR GUDANG]**

TARIKH : 11 APRIL 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 49

Minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk menambah jumlah doktor pakar kanser (oncologist) di Malaysia yang kini hanya berjumlah 115 orang sahaja. Daripada jumlah itu kenapakah hanya 42 orang sahaja di Hospital Kerajaan

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Sehingga 31 Januari 2019, jumlah doktor pakar kanser (*oncologist*) yang berkhidmat di Kementerian Kesihatan Malaysia adalah seramai 29 orang. Jumlah pakar ini telah menunjukkan peningkatan pada tahun semasa berbanding hanya seramai 19 orang pada Januari 2016 dan seramai 20 orang pada Januari 2017.

Pada masa yang sama, bagi menambahkan bilangan Pegawai Perubatan Pakar di seluruh negara terutama dalam bidang Onkologi dan Radioterapi, Kerajaan juga telah melaksanakan inisiatif seperti berikut:

i. Menyediakan slot tajaan Hadiah Latihan Persekutuan bagi Program Sarjana Perubatan bagi bidang kepakaran Onkologi dan Radioterapi setiap tahun; dan

ii. Menyediakan lebih banyak peluang untuk pegawai perubatan KKM untuk mengikuti latihan kepakaran Onkologi dan Radioterapi dengan mengikuti Program Latihan Kepakaran *Parallel Pathway* di KKM – Fellowship of Royal College of Radiologists (Cinical Oncology) United Kingdom.

Sehubungan itu, berdasarkan inisiatif-inisiatif yang telah dinyatakan di atas, jelas menunjukkan bahawa Kerajaan telah mengambil langkah yang proaktif bagi meningkatkan jumlah doktor pakar kanser (oncologist) di Malaysia.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN
TUANKU JAAFAR [SANTUBONG]**

TARIKH : 11 APRIL 2019

SOALAN : 50

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapa jumlah Pingat Jasa Pahlawan Negara (PJPN) telah sampai kepada anggota bekas Polis DiRaja Malaysia dan berapa jumlah disampaikan kepada anggota masih berkhidmat. Apakah sebab kelambatan dalam penyampaian pingat-pingat ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah penerima Pingat Jasa Pahlawan Negara (PJPN) bagi kategori pesara bagi tahun 2014 - 2018 adalah seramai 4,744 orang manakala bagi kategori Pegawai dan anggota Polis Diraja Malaysia yang masih berkhidmat adalah seramai 2,609 orang.

Kelewatan penganjuran Istiadat Penganugerahan PJPN kepada penerima yang layak adalah kerana Jabatan Pengurusan PDRM terpaksa membuat penyelarasan untuk di sekalikan dengan majlis-majlis yang lain atas faktor kekangan masa YDH Ketua Polis Negara (IGP) dan YDH Timbalan Ketua Polis Negara (DIG). Penyampaian pingat berkenaan akan di sekalikan dalam majlis-majlis lain yang melibatkan kehadiran IGP atau DIG seperti:

- i. Perhimpunan Bulanan semua Jabatan peringkat Bukit Aman;
- ii. Majlis serah terima tugas Pengarah atau Ketua Polis Negeri; atau
- iii. Aktiviti-aktiviti yang dianjurkan di peringkat negeri dan formasi (mesyuarat atau pelancaran program kepolisan).

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB. TUAN CHOW KON YEOW [TANJONG]

TARIKH : 11 APRIL 2019

SOALAN

Minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan adakah terdapat cadangan untuk menambahbaik Galeri Arkeologi Guar Kepah di Kepala Batas, Pulau Pinang. Juga adakah terdapat rancangan untuk menyalurkan secara terus peruntukan Program Geran Georgetown kepada Kerajaan Negeri berbanding kini perlu menerusi Think City Sdn. Bhd. Jika tidak, kenapa.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian ini melalui Jabatan Warisan Negara bercadangewartakan tapak Guar Kepah di Kepala Batas, Pulau Pinang sebagai warisan mengikut Akta Warisan Kebangsaan 2005 [Akta 645] untuk tujuan pemuliharaan, pemeliharaan serta perlindungan. Pihak Jabatan Warisan Negara telah menghantar surat memohon keizinan kepada Pihak Berkuasa Negeri Pulau Pinang pada 19 Oktober 2018 untuk mencadangkan supaya tapak ini diwartakan dan pihak berkuasa masih menunggu maklum balas kerajaan negeri berhubung perkara ini.

Kementerian ini berpandangan dan mencadangkan agar sebarang permohonan dan penyaluran peruntukan Program Geran George Town kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang dibincang serta diputuskan oleh Kementerian Kewangan Malaysia. Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN SABRI BIN AZIT [JERAJ]

TARIKH : 11.4.2019 (KHAMIS)

SOALAN

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan apakah kriteria yang diambil kira bagi mengkategorikan daerah termiskin dan usaha meningkatkan pembangunan daerah Yan dan Sik.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan Laporan Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas Mengikut Negeri dan Daerah Pentadbiran 2016 yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, Kementerian telah mengenal pasti 28 daerah di seluruh negara dengan pendapatan purata bulanan isi rumah di bawah RM4,000.

28 daerah tersebut meliputi negeri Kedah (2 daerah) iaitu Yan dan Baling, Kelantan (7 daerah), Pahang (1 daerah), Sabah (5 daerah) dan Sarawak (13 daerah) yang melibatkan jumlah bilangan penduduk seramai 2,151,100 orang.

Sehubungan dengan itu, Kementerian akan meletakkan keutamaan pelaksanaan program-program di bawah Kementerian di 28 daerah tersebut berdasarkan peruntukan yang telah dan akan diluluskan kepada Kementerian bagi tahun 2019 dan tahun 2020 iaitu di dalam fasa terakhir Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11).

Keutamaan pelaksanaan ini akan menumpukan program/projek KPLB yang berbentuk pembangunan fizikal, ekonomi dan modal insan yang boleh meningkatkan kesejahteraan penduduk di daerah-daerah yang berkenaan dan seterusnya meningkatkan pendapatan purata bulanan isi rumah di daerah-daerah tersebut sekaligus mengurangkan jurang daerah-daerah terpinggir tersebut dengan daerah-daerah yang lain. Antara program-program yang dicadang untuk dilaksanakan adalah seperti :

- 1) Projek-projek Prasarana seperti Jalan Luar Bandar, Bekalan Air Luar Bandar, Bekalan Elektrik Luar Bandar, Jalan Perhubungan Desa, Program Ameniti Sosial, Program Perumahan Rakyat Termiskin, Projek Pemajuan Kawasan;
- 2) Program Ekonomi dan Keusahawanan seperti Program Peningkatan Pendapatan, Skim Pembiayaan Ekonomi Desa, Program Desa Lestari, program-program di bawah MARA dan Lembaga Kemajuan Wilayah; dan
- 3) Pembangunan Modal Insan seperti Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya, program-program di bawah KEMAS dan INFRA.

Di samping itu juga, pembangunan secara menyeluruh akan dilaksanakan di daerah-daerah yang berkenaan melalui strategi pelaksanaan yang akan dirancang oleh Kementerian di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) yang akan mula dilaksanakan pada tahun 2021 hingga tahun 2025.

Untuk itu, pihak Kementerian akan mengadakan pertemuan dan sesi libat urus bersama pihak Kerajaan Negeri yang terlibat seperti EXCO Luar Bandar Negeri, UPEN, dan Pejabat Daerah bagi mendapatkan maklum balas, isu, cadangan serta keperluan daripada pihak Kerajaan Negeri mengenai keperluan pembangunan bagi daerah-daerah yang berkenaan.

Daripada maklum balas tersebut, Kementerian akan merancang pelaksanaan program-program pembangunan di daerah yang berkenaan untuk dijadikan sebagai salah satu strategi di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12).

Perancangan pembangunan ini akan melibatkan program sedia ada dan program baharu yang akan menjadi penggerak kepada pembangunan di daerah-daerah yang berkenaan. Perancangan pembangunan ini juga akan dibuat secara holistik dan mengambil kira semua aspek agar dapat memberi kesan yang optimum kepada kumpulan sasaran iaitu 28 daerah tersebut.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' ABDULLAH SANI B. ABDUL HAMID
[KAPAR]**

TARIKH : 11 APRIL 2019

SOALAN : 53

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan tarikh pelaksanaan pembinaan bangunan baru IPD Klang Utara sepertimana yang telah diluluskan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Unit Perancang Ekonomi, Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (EPU, MEA) telah meluluskan permohonan pembinaan semula Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Klang Utara bagi pelaksanaan pada Tahun 2019, *Rolling Plan* Keempat (RP4), Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) dengan kos projek sebanyak RM150 juta.

Projek tersebut kini dalam proses penyediaan dokumentasi oleh pihak Jabatan Kerja Raya selaku agensi pelaksana dan dirancang untuk diiklankan secara tender terbuka sebelum akhir tahun 2019.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' TUAN IBRAHIM BIN TUAN MAN
[KUBANG KERIAN]**

TARIKH : 11 APRIL 2018 (KHAMIS)

SOALAN NO. 54

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan:

Apakah perkembangan terkini siasatan ke atas tragedi MH17 dan MH370:-

- (a) berapakah pampasan kepada keluarga mangsa yang telah dijelaskan; dan
- (b) apakah tindakan undang-undang yang diambil terhadap penjenayah yang menembak jatuh MH17.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Operasi pencarian pesawat MH370 yang dilaksanakan oleh syarikat Ocean Infinity Limited (United Kingdom) telah tamat pada 29 Mei 2018 tanpa sebarang bangkai pesawat ditemui. Dalam hubungan ini, keputusan menggantung operasi pencarian pesawat MH370 adalah selaras dengan persetujuan yang dicapai pada Mesyuarat Tripartite Peringkat Menteri di antara Malaysia, Australia dan Republik Rakyat China (RRC) yang telah diadakan pada 22 Julai 2016. Melalui mesyuarat tersebut, ketiga-tiga negara telah bersetuju operasi pencarian selanjutnya akan dipertimbangkan sekiranya terdapat maklumat atau petunjuk baru yang sahih dan kukuh (credible) diperoleh.
2. Dalam hubungan ini, siasatan teknikal kemalangan dan insiden pesawat MH370 telah dilaksanakan berlandaskan Annex 13 (Convention on International Civil Aviation, Aircraft Accident and Incident Investigation) mulai 25 April 2014 hingga 29 Mei 2018. Siasatan ini dikendalikan oleh pasukan penyiasat yang ditubuhkan mengikut Annex 13 tersebut yang dikenali sebagai Malaysian International Civil Aviation Organisation (ICAO) Annex 13 Safety Investigation Team For MH370.
3. Pasukan penyiasat telah mengeluarkan Laporan Siasatan Kemalangan Udara Pesawat MH370 pada 30 Julai 2018. Laporan ini boleh dimuat turun dari laman sesawang Kementerian Pengangkutan untuk tatapan umum.
4. Berkenaan dengan pampasan yang diberikan kepada keluarga mangsa pesawat MH370, jumlah pampasan penuh yang telah dibayar kepada waris-waris penumpang MH370 adalah dinilai berdasarkan *Montreal Convention 1999* dengan pembuktian kerugian (*subject to proof of loss*) yang ditanggung oleh setiap penumpang. Setiap jumlah tuntutan waris penumpang MH370 adalah berbeza di antara satu dengan yang lain kerana ianya

berdasarkan kepada pembuktian kerugian bagi setiap individu (penumpang).

5. Sehingga 26 Februari 2019, sebanyak 130 waris telah menerima pampasan penuh, manakala baki sebanyak 109 hanya menerima sebahagian dari jumlah pampasan penuh dan masih dalam proses rundingan bagi memuktamadkan jumlah pampasan akhir.

Yang di-Pertua,

6. Untuk makluman Yang Berhormat, siasatan jenayah berhubung nahas pesawat MH17 masih dijalankan oleh *Joint Investigation Team* (JIT) yang diterajui oleh Belanda dan dianggotai oleh Australia, Belgium, Malaysia dan Ukraine. Dalam hubungan ini, usaha untuk mengenal pasti pihak yang bertanggungjawab dalam nahas pesawat MH17 dan seterusnya membuat pendakwaan nasional di Mahkamah Belanda adalah bergantung kepada hasil siasatan jenayah tersebut.
7. Siasatan jenayah tersebut perlu mendapatkan keterangan yang konklusif dan boleh dipercayai yang dapat dipertahankan dalam mahkamah menurut tatacara yang ditetapkan di bawah sistem perundangan Belanda. Beban pembuktian dalam kes jenayah adalah lebih berat dan dengan itu siasatan jenayah mengambil masa yang lebih lama.
8. Hasil dapatan siasatan jenayah tragedi MH17 yang telah diumumkan pada 24 Mei 2018 mendapati bahawa sistem pertahanan BUK-TELAR yang digunakan untuk menembak jatuh pesawat MH17 adalah daripada 53rd Anti Aircraft Missile Brigade iaitu sebuah unit ketenteraan Rusia yang berpangkalan di Kursk, Rusia. Pada masa ini, penyiasatan tertumpu kepada usaha untuk mengenal pasti pihak yang bertanggungjawab dalam nahas pesawat MH17.
9. Berhubung pampasan bagi tragedi MH17, daripada 298 jumlah keluarga mangsa, sebanyak 282 telah menerima pampasan penuh manakala bakinya sebanyak 16 hanya menerima sebahagian dari jumlah pampasan penuh dan masih dalam proses rundingan bagi

memuktamadkan jumlah pampasan akhir. 2 daripada keluarga mangsa bersetuju untuk tidak menerima sebarang pampasan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN SIVAKUMAR VARATHARAJU NAIDU
[BATU GAJAH]**

TARIKH : 11 APRIL 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 55

Minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan keberkesanan FOMEMA dalam urusan pemeriksaan kesihatan pekerja asing. Adakah Kerajaan bercadang untuk meneruskan khidmat FOMEMA atau mengguna pakai kaedah lain yang lebih murah dan efisien.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Kerajaan telah melantik FOMEMA (*Foreign Workers Medical Examination Monitoring Agency*) Sdn. Bhd. untuk mengendalikan pemantauan pemeriksaan kesihatan pekerja asing yang ingin bekerja di Semenanjung Malaysia. FOMEMA telah mula dilantik pada tahun 1997 bertujuan untuk:-

- i. Meningkatkan kualiti pemeriksaan kesihatan pekerja asing dengan kaedah yang lebih sistematik di samping mengurangkan beban pemeriksaan kesihatan pekerja asing di fasiliti kesihatan Kerajaan (di klinik kesihatan dan hospital Kerajaan); dan
- ii. Meningkatkan pemantauan kesihatan pekerja asing agar penyakit berjangkit di kalangan pekerja asing dapat dibendung dan dikawal.

Keberkesanan FOMEMA dalam pemeriksaan kesihatan pekerja asing diukur melalui:-

- i. Pematuhan klinik panel swasta, pusat X-ray dan makmal panel FOMEMA kepada piawaian atau *Standard Operating Procedures* (SOP) pemeriksaan kesihatan pekerja asing yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Ini dilakukan melalui lawatan pemantauan FOMEMA secara berkala ke klinik panel, pusat X-ray dan makmal panel. Hasil daripada lawatan pemantauan tersebut, mana-mana fasiliti terbabit yang tidak mengikut *SOP* yang ditetapkan akan diberikan amaran, diberi surat tunjuk sebab dan ada yang digantung sekiranya kesalahan yang dilakukan berulang walaupun telah diberikan amaran, ataupun jika didapati kesalahan-kesalahan tersebut adalah amat serius. Terdapat juga salah laku fasiliti-fasiliti tersebut yang dilaporkan kepada Cawangan Kawalan Amalan Perubatan Swasta (CKAPS) KKM dan Majlis Perubatan Malaysia; dan
- ii. Mesyuarat berkala sekurang-kurangnya sekali setahun untuk membincangkan kualiti pemeriksaan kesihatan, kualiti pemeriksaan dan laporan CXR serta kualiti pemeriksaan makmal dan laporan pemeriksaan makmal. Mesyuarat ini juga melibatkan pakar kesihatan awam, pakar radiologi serta pakar pathologi dan pakar mikrobiologi.

Sementara itu, mana-mana pekerja asing yang didapati gagal dalam saringan penyakit berjangkit semasa pemeriksaan kesihatan, pegawai perubatan (di klinik-klinik panel FOMEMA) wajib menotifikasi penyakit berjangkit tersebut dalam sistem e-Notifikasi. Sehubungan ini juga, Pegawai Epidemiologi Negeri telah dipertanggungjawab untuk memantau sistem FOMEMA Sdn. Bhd. setiap bulan bagi mendapatkan alamat pekerja asing yang gagal (disyaki menghidapi penyakit berjangkit) dalam pemeriksaan kesihatan pekerja asing.

Nama dan alamat ini akan dipanjangkan kepada pihak Pegawai Kesihatan Daerah yang berkaitan untuk mengesan dan membuat siasatan lanjut ke atas kes-kes tersebut dengan tujuan untuk mengawal penularan penyakit berjangkit.

Lantikan FOMEMA dalam perjanjian asal melalui konsesi antara FOMEMA dan Kerajaan Malaysia adalah selama 15 tahun iaitu dari tahun 1997 sehingga 2012. Dari tahun 2012 sehingga 2016 adalah “perjanjian interim” dan pada 16 Disember 2016 FOMEMA telah dilantik semula melalui perjanjian konsesi kedua selama 7 tahun dari 2016 hingga 2023. Sejak tahun 1997, caj yang ditetapkan untuk pemeriksaan kesihatan pekerja asing seperti dalam perjanjian konsesi masih kekal tidak berubah pada kadar RM180 untuk pekerja asing lelaki dan RM190 untuk pekerja asing perempuan.

Keputusan sama ada untuk meneruskan khidmat FOMEMA selepas perjanjian konsesi akan dibincangkan lebih lanjut dalam Mesyuarat yang dikendalikan Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS) di bawah Kementerian Kewangan. Segala keputusan termasuk perjanjian konsesi kedua juga dibincangkan dalam mesyuarat ini.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI DR. HAJI ISMAIL BIN
MOHAMED SAID [KUALA KRAU]**

TARIKH : 11 APRIL 2019 (KHAMIS)

SOALAN

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah Jemaah Haji bagi Musim Haji 1440H/2019M dan jumlah Jemaah Haji rayuan yang akan dipertimbangkan.

JAWAPAN : (MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang Di-Pertua,

Jumlah kouta jemaah haji bagi musim haji 1440H/2019M adalah sebanyak 30,200 berdasarkan peruntukan rasmi yang diberikan oleh kerajaan Arab Saudi kepada Malaysia.

Jika diberikan kouta tambahan atau terdapat bakal haji terpilih tahun semasa yang menunda pemergian atau menolak tawaran, barulah **TH** boleh mempertimbangkan rayuan-rayuan dengan mendahulukan jemaah haji rayuan yang belum pernah menunaikan fardhu haji seperti mahram dan pembantu lanjut usia. Mereka semua hendaklah mempunyai tahap kesihatan yang baik dan telah lulus pemeriksaan kesihatan. Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHA KEE CHIN [RASAH]

TARIKH : 11.4.2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 57

Tuan Cha Kee Chin [Rasah] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah status Program Dwi Bahasa (DLP) yang bertujuan Memartabatkan Bahasa Malaysia Memperkukuhkan Bahasa Inggeris di Sekolah Kebangsaan dan Sekolah Menengah Kebangsaan, dan berapakah sekolah yang melaksanakan DLP di seluruh negara dan Parlimen Rasah.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Dual Language Programme (DLP) telah mula dilaksanakan semenjak tahun 2016. Sehingga tahun 2019, sebanyak 1,361 sekolah rendah dan menengah sedang melaksanakan DLP. Jumlah sekolah rendah yang melaksanakan DLP adalah sebanyak 653 buah sekolah yang terdiri daripada 385 buah sekolah bandar dan 268 sekolah luar bandar. Jumlah sekolah menengah yang melaksanakan DLP adalah sebanyak 708 buah sekolah yang terdiri daripada 477 buah sekolah bandar dan 231 buah sekolah luar bandar.

Jumlah sekolah di Negeri Sembilan yang melaksanakan DLP adalah sebanyak 105 buah sekolah, iaitu 60 buah sekolah rendah dan 45 buah sekolah menengah. Jumlah sekolah di Parlimen Rasah yang melaksanakan DLP adalah sebanyak 19 buah sekolah, iaitu 10 buah sekolah rendah dan 9 buah sekolah menengah.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 11 APRIL 2019 (KHAMIS)

**DARIPADA : TUAN NIK MOHAMAD ABDUH
BIN NIK ABDUL AZIZ**

SOALAN : 58

TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK ABDUL AZIZ [BACHOK] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan komitmen padu Kerajaan untuk mengurangkan persepsi rasuah, salah guna kuasa dan kronisme dalam sektor perkhidmatan awam.

**JAWAPAN: YB DATUK LIEW VUI KEONG MENTERI DI JABATAN
PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, Kerajaan kini sudah mula dikenali sebagai negara yang berintegriti tinggi dan memerangi gejala rasuah secara holistik. Perkara ini dapat dilihat dengan usaha-usaha Kerajaan dalam mengambil tindakan undang-undang terhadap mereka yang telah melakukan salah guna kuasa di dalam isu-isu seperti 1MDB, Felda, Tabung Haji dan sebagainya.

2. Sehingga kini, pentadbiran ini telah melaksanakan pelbagai inisiatif berkaitan governans, integriti dan antirasuah. Usaha-usaha ini dilaksanakan dan dipantau melalui Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Anti-Rasuah (JKKMAR) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri. JKKMAR ini merupakan platform di peringkat tertinggi bagi membincangkan isu-isu berkaitan integriti dan antirasuah yang melibatkan semua sektor termasuklah perkhidmatan awam.

3. Pelan Antirasuah Nasional (NACP) yang dilancarkan juga akan meliputi semua aspek berpandukan risiko rasuah di pelbagai sektor dan perkhidmatan di mana Pusat Governans, Integriti dan Anti-Rasuah Nasional (GIACC) akan bertanggungjawab bagi penyelarasan, pemantauan dan penilaian terhadap pelaksanaan pelan tersebut. Selaras dengan pelan antirasuah peringkat nasional, setiap Kementerian dan Agensi juga akan menyediakan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) masing-masing.

4. Kerajaan sememangnya bertekad untuk melakukan reformasi tadbir urus serta meningkatkan ketelusan bagi mencegah rasuah dan salah guna kuasa seperti mana mandat yang telah diberikan oleh rakyat. Usaha-usaha ini akan menjadikan Malaysia secara keseluruhannya sebagai sebuah negara yang dikenali kerana integritinya, bukan kerana rasuah seterusnya mengurangkan persepsi rasuah, salah guna kuasa dan kronisme dalam sektor perkhidmatan awam.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATUK ABD RAHIM BIN BAKRI [KUDAT]

TARIKH : 11.4.2019 (KHAMIS)

SOALAN : 59

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan apakah Kementerian berhasrat untuk menaik taraf Jalan Telaga-Bongkol bagi kemudahan penduduk kampung dan pelajar sekolah keluar ke kawasan pekan dan sekolah berhampiran.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Projek Naiktaraf Jalan Telaga, Sabah telah diluluskan bagi pelaksanaan Tahun 2019, dengan kos sebanyak RM66.0 juta. Skop projek melibatkan kerja-kerja menaiktaraf jalan sepanjang 10km spesifikasi JKR R2 dan sebuah jambatan. Status terkini projek masih di peringkat ukur tanah dan rekabentuk. Projek ini akan dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya Sabah.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN
[PONTIAN]**

TARIKH : 11 APR 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 60

Minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN** menyatakan langkah-langkah dan bajet untuk menambah bilangan usahawan PKS di negara ini. Nyatakan data usahawan PKS Bumiputera dan pecahan mengikut jenis perniagaan serta usaha meningkatkan e-dagang Bumiputera.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Kementerian Pembangunan Usahawan (MED) komited dalam usaha untuk melahirkan lebih ramai usahawan di negara ini melalui sasaran menghasilkan 50,000 usahawan setahun.
2. Sehingga kini, MED telah berjaya menghasilkan 25,861 usahawan melalui enam (6) agensi MED seperti berikut:

Bil	Agensi	Bilangan Usahawan
1.	TEKUN Nasional	15,116 usahawan
2.	Malaysian Global Innovation & Creativity Centre (MaGIC)	4,971 usahawan
3.	SME Corp	3,609 usahawan
4.	Bank Rakyat	1,719 usahawan
5.	SME Bank	301 usahawan
6.	Institut Keusahawanan Negara (INSKEN)	145 usahawan
	Jumlah	25,861 usahawan

3. Berdasarkan Banci Ekonomi 2016 oleh Jabatan Perangkaan, PKS Bumiputera merangkumi 39.1% (354,699) daripada bilangan PKS di Malaysia dengan pecahan sektor seperti berikut:

SEKTOR	% PENGLIBATAN PKS BUMIPUTERA
Perkhidmatan	89.4 (317, 157 orang)
Pembinaan	5.3 (18,746 orang)
Pembuatan	4.6 (16,388 orang)
Pertanian	0.6 (2,228 orang)
Perlombongan & Pengkuarian	0.1 (230 orang)

4. Dalam usaha untuk meningkatkan penglibatan Bumiputera dalam sektor e-dagang, MED melalui SME Corp. telah melaksanakan dua (2) program utama iaitu:-

a) Program Peningkatan Enterpris Bumiputera (BEEP)

Program BEEP bertujuan untuk meningkatkan daya saing PKS Bumiputera menerusi bantuan bersepadu seperti pensijilan, pembungkusan, premis sewaan untuk usahawan belia, khidmat nasihat, latihan dan sokongan kewangan termasuklah dalam meningkatkan aktiviti e-dagang Bumiputera. Program ini dilaksanakan oleh SME Corp. dengan kerjasama Kerajaan Negeri dan bantuan kewangan disalurkan dalam bentuk geran bersamaan (*matching grant*). Sehingga Januari 2019, sejumlah 1,995 kelulusan telah diberikan melibatkan geran berjumlah RM189 juta.

a) Program Galakan Eksport Bumiputera (GEB)

Bantuan geran bersamaan dan skim pinjaman mudah disediakan bagi membantu PKS yang berpotensi untuk memasarkan barangan/perkhidmatan ke peringkat antarabangsa. Ini adalah untuk membantu meningkatkan keupayaan eksport dan aktiviti e-dagang syarikat PKS Bumiputera dalam usaha untuk menembusi pasaran global.

Sejumlah 46 permohonan telah diluluskan dengan nilai geran dan pinjaman berjumlah RM44 juta hingga Januari 2019. Kelulusan tersebut merangkumi aktiviti promosi dan pemasaran luar negara, peningkatan pembungkusan, pembangunan jenama dan pensijilan bagi mematuhi piawaian antarabangsa, pembelian mesin dan modal kerja bagi memenuhi permintaan luar negara termasuklah adaptasi ICT melalui platform e-dagang. Antara destinasi negara yang telah dimanfaatkan oleh syarikat adalah Jepun, United Kingdom, Arab Saudi, Australia, Belanda dan Indonesia.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK ZAKARIA BIN MOHD. EDRIS [LIBARAN]

TARIKH : 11 APRIL 2019 | KHAMIS

SOALAN :

Datuk Zakaria bin Mohd. Edris @ Tubau [Libaran] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah diambil oleh Kerajaan bagi memulih serta menstruktur semula Tabung Haji (**TH**) sebagai langkah bagi memastikan institusi itu mampu kembali kepada tujuan asal penubuhannya, demi memberi manfaat kepada umat Islam.

JAWAPAN : (MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang Dipertua,

Langkah awal Pelan Pemulihan dan Penstrukturan Lembaga Tabung Haji (**TH**) melibatkan pemindahan aset-aset yang mengalami kejatuhan nilai dan memberi pulangan rendah kepada sebuah Syarikat Tujuan Khas (SPV) yang dimiliki sepenuhnya oleh Kerajaan.

Transaksi ini adalah bertujuan untuk memulihkan kedudukan kewangan **TH** supaya nilai aset melebihi nilai liabiliti. Pemulihan kedudukan kewangan **TH** ini penting bagi membolehkan Hibah diisytihar mengikut Akta Tabung Haji 1995.

Langkah seterusnya adalah untuk membawa **TH** kembali kepada tujuan asalnya iaitu menyediakan platform untuk bakal-bakal haji menyimpan untuk tujuan menunaikan haji. Portfolio pelaburan dan alokasi aset **TH** akan dikaji semula supaya menjana pendapatan yang lebih mampan dan stabil, dibantu oleh kawal selia Bank Negara Malaysia untuk memastikan risiko pelaburan yang berlebihan tidak diambil. Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN KHOO POAY TIONG [KOTA MELAKA]

TARIKH : 11 APRIL 2019 [KHAMIS]

SOALAN NO. 62

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah kesan Kempen Pemilikan Rumah, terutamanya potongan-potongan harga (diskaun) untuk PR1MA, terhadap pemilik-pemilik yang telah lebih awal membelinya sebelum ini dan apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian untuk mengatasi isu tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, permintaan untuk rumah-rumah PR1MA sangat menggalakkan di bawah *Home Ownership Campaign* (HOC) 2019. Diskaun dan rebat yang ditawarkan membolehkan lebih ramai golongan M40 untuk memiliki rumah-rumah tersebut.
2. Promosi tersebut bukan sahaja akan memberi manfaat kepada pembeli baharu tetapi juga kepada komuniti sedia ada, melalui peningkatan jualan rumah-rumah PR1MA sekali gus meningkatkan nilai hartanah bagi kesemua pembeli rumah dalam jangka masa panjang.
3. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) turut mengambil maklum berkenaan permohonan oleh pembeli-pembeli awal rumah PR1MA untuk turut diberikan rebat atau diskaun. Permohonan tersebut sedang dikumpulkan dan akan diteliti setelah HOC berakhir pada penghujung bulan Jun 2019.

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN HAJI AHMAD BIN HASSAN
KAWASAN : PAPAR
TARIKH : 11 APRIL 2019 (KHAMIS)

SOALAN :

YB TUAN HAJI AHMAD BIN HASSAN minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan tentang keperluan projek naik taraf jalan raya dari Lokawi, Pengalat hingga ke Papar yang telah diluluskan dalam RMK11 berjumlah RM675 juta untuk rakyat di kawasan Parlimen Papar.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, jajaran bagi cadangan **projek Lok Kawi Pengalat Papar sepanjang 27 kilometer merupakan jalan negeri** dan bermula dari Persimpangan Lok Kawi/Kinarut dan berakhir di Papar Spur/Bulatan Benoni.

Walaupun, projek ini dibatalkan dan tertakluk kepada kelulusan agensi pusat dan negeri bagi pelaksanaan projek ini.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI DR. ADHAM BIN BABA
[TENGGARA]**

TARIKH : 11 APRIL 2019 [KHAMIS]

SOALAN NO. 64

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah langkah yang dilakukan Kementerian untuk menetapkan harga siling yang perlu dipatuhi pemaju mengikut margin keuntungan bagi sesebuah projek dapat dilaksanakan untuk menggalakkan kegiatan spekulasi selain dapat insentif pengecualian cukai tidak lagi menggunakan penetapan harga mengikut perbandingan kawasan seperti sebelum ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) tidak menetapkan harga siling bagi margin keuntungan sesuatu projek perumahan. Penetapan harga siling bagi pemajuan rumah mampu milik diputuskan oleh Kerajaan Negeri melalui entiti seperti Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor, Lembaga Perumahan Negeri Perak, Lembaga Perumahan Melaka dan sebagainya
2. Mekanisme penetapan harga oleh Kerajaan Negeri berbeza dari satu negeri ke negeri yang lain, dengan mengambil kira dasar yang telah ditetapkan atau insentif dan keperluan yang telah dikenal pasti oleh Kerajaan Negeri. Siling harga yang telah ditetapkan ini turut mengambil

kira kuota unit Bumiputera dan penetapan harga berdasarkan jenis, saiz dan lokasi sesuatu pemajuan tersebut.

3. Di peringkat Kerajaan Persekutuan, pengecualian dan penetapan insentif seperti pengurangan atau pelepasan duti setem bagi pembelian rumah adalah ditetapkan oleh Kementerian Kewangan (MOF).

4. Selain itu, KPKT akan mempertimbangkan kelulusan Lesen Pemajuan Perumahan dan Permit Iklan dan Jualan (APDL) setelah semua kelulusan Kebenaran Merancang, Pelan Bangunan, urusan tanah dan penetapan harga rumah mampu milik diperolehi dari Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Kerajaan Negeri. Semua pemaju yang mengemukakan permohonan APDL adalah diwajibkan untuk memastikan bahawa cadangan harga rumah mampu milik bagi pemajuan tersebut telah ditetapkan berdasarkan kepada keputusan Kerajaan Negeri.

5. Bagi menggalakkan pemajuan Projek Rumah Mampu Milik yang diiktiraf oleh pihak Kerajaan Negeri, KPKT telah menetapkan bahawa wang deposit 3% daripada anggaran kos pembinaan pemajuan yang diwajibkan di bawah Akta Pemajuan Perumahan (Akta 118) diselaraskan kepada RM200,000.00. Penyelarasan ini adalah insentif kepada pemaju rumah mampu milik.

6. KPKT melalui Dasar Perumahan Negara telah menetapkan beberapa strategi dan pelan tindakan jangka sederhana dan panjang, terutamanya melalui Fokus Kedua - Menambah baik Aksesibiliti dan Tahap Kemampuan Memiliki Rumah. Dasar yang komprehensif ini diwujudkan bukan sahaja untuk meningkatkan penawaran dan produktiviti perumahan, malah turut menambah baik skim pembiayaan perumahan sedia ada sebagai satu penyelesaian yang inklusif dan mampan untuk semua kumpulan pendapatan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAPAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN PANG HOK LIONG (LABIS)

TARIKH : 11 APRIL 2019 (KHAMIS)

SOALAN:

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan sama ada kerugian yang dialami oleh Kerajaan dalam urusan pertukaran tanah sebanyak RM500 juta seperti yang dinyatakan dalam laporan Jawatankuasa Siasatan Tadbir Urus, Perolehan dan Kewangan Kerajaan yang diketuai Tan Sri Ambrin Buang telah menjejaskan keupayaan pertahanan negara, dan bagaimana kerajaan akan menebus kerugian tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan kepada Laporan Akhir Siasatan Jawatankuasa Siasatan Tadbir Urus, Perolehan dan Kewangan Kerajaan (JKSTUPKK) anggaran kerugian berjumlah RM500 juta telah dikenalpasti berdasarkan kepada punca-punca berikut :

- a) Kontrak Tambahan yang ditandatangani bersama pihak syarikat apabila projek pembangunan mengalami kelewatan menyebabkan kerajaan kehilangan hak untuk mengenakan *Liquidated Ascertained Damages* (LAD);
- b) Tidak mengemukakan *Certificates of Non Compliance* menyebabkan LAD tidak dapat dikenakan kepada pihak syarikat;
- c) Prolongation of Time (*Extension of Time*) yang diberikan kepada pihak syarikat menyebabkan LAD tidak dapat dikenakan kepada pihak syarikat;

- d) Penilaian Tanah Balasan dinilai oleh pihak JPPH tidak berdasarkan kepada asas *Highest and Best Use*; dan
- e) Penetapan Nilai Tanah Balasan kurang daripada nilai JPPH.

Susulan daripada itu, Kementerian Pertahanan telah mengemukakan laporan kepada pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM) pada 21 Februari 2019 dan kementerian ini menyerahkan sepenuh kepercayaan kepada pihak SPRM untuk menjalankan siasatan lanjut.

Selain daripada itu, Kementerian Pertahanan juga telah meneliti semua penemuan dan syor penambahbaikan yang telah dikemukakan oleh pihak JKSTUPKK. Kementerian Pertahanan akan mengambil langkah-langkah penambahbaikan yang disarankan supaya pengurusan projek *Land Swap* kementerian dapat ditambahbaik dalam memastikan urus tadbir projek yang lebih cekap dan telus.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAPAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI RICHARD RIOT ANAK JAEM
(SERIAN)**

TARIKH : 11 APRIL 2019 (KHAMIS)

SOALAN:

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan adakah kerajaan bersedia untuk mendirikan suatu Pusat Kawalan Keselamatan Tetap di kawasan sempadan Malaysia/Indonesia di kawasan Kpg Mongkos, Serian seperti mana pos kawalan sementara yang telah beroperasi untuk beberapa tahun tetapi dihentikan 10 tahun yang lalu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pos Kawalan bagi sektor Kpg Mongkos, Serian ketika ini adalah di bawah aturgerak Pasukan Gerakan Am (PGA), di bawah Kementerian Dalam Negeri (KDN). Sehubungan dengan itu, Kementerian Pertahanan tiada perancangan untuk mendirikan Pusat Kawalan Keselamatan Tetap ATM di kawasan berkenaan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Tuan Lim Kit Siang (Iskandar Puteri)

TARIKH : 11 APRIL 2019

SOALAN : NO. 67

Tuan Lim Kit Siang [Iskandar Puteri] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan rancangan dan statistik pelaksanaan kerja-kerja menaiktaraf infrastruktur bekalan air terawat, bekalan elektrik, jalan berturap, dan kemudahan telekomunikasi di petempatan orang asli di Cameron Highlands, secara terperinci bagi setiap petempatan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan rekod terdapat sebanyak 27 buah Kampung Orang Asli di Daerah Cameron Highlands dengan jumlah penduduk sebanyak **6,976** orang. Sehingga Disember 2018, sebanyak **88 peratus** kampung telah disediakan dengan akses jalan perhubungan manakala baki **12 peratus** masih menggunakan jalan crusher run dan denai sebagai akses perhubungan.

Bagi bekalan elektrik, sebanyak **81 peratus** telah dibekalkan dengan bekalan elektrik 24 jam manakala baki **19 peratus** sedang dalam perancangan untuk talian grid namun tertakluk kepada kelulusan di bawah peruntukan pembangunan. Untuk bekalan air, sebanyak **77 peratus** telah mempunyai sistem bekalan air manakala **23 peratus** masih menggunakan air bukit sebagai sumber kegunaan harian.

Perancangan untuk melengkapkan 100 peratus infrastruktur merupakan komitmen dan fokus JAKOA namun ianya tertakluk kepada peruntukan pembangunan yang diluluskan oleh Kerajaan. Faktor kawasan pedalaman dan ekstrem serta jauh dari punca bekalan telah menyebabkan kos pelaksanaan bagi kemudahan infrastruktur di perkampungan Orang Asli adalah amat tinggi. Namun, JAKOA akan mengenalpasti mekanisme terbaik melalui kerjasama dengan agensi-agensi berkaitan dalam memastikan hasrat untuk menyediakan kemudahan infrastruktur lengkap dapat dilaksanakan sepenuhnya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' SERI TIONG KING SING [BINTULU]
TARIKH : 11 APRIL 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 68

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu] minta **MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI** menyatakan adakah Kementerian boleh memastikan bahawa SOP baharu perlombongan bauksit di Kuantan yang dibenarkan semula tidak akan menjejaskan kesihatan dan keselamatan penduduk tempatan, adakah hasil Penilaian Kesan Alam Sekeliling Terperinci (DEIA) dikaji dengan teliti serta dipertimbangkan sebelum keputusan dibuat untuk membenarkan perlombongan bauksit dibuka semula.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli sebagai agensi yang dipertanggungjawabkan untuk membangunkan industri mineral, telah mengambilkira pelbagai faktor dalam menggubal SOP aktiviti perlombongan dan pengeksportan bauksit. Ini termasuklah kemampuan dan hala tuju industri mineral, kelestarian alam sekitar, keselamatan dan kesihatan awam, kesan limpahan ekonomi (*economic spill over*) dan lain-lain.

Penyelarasan fungsi dan kuasa antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri turut diambilkira dalam menangani perkara ini. Kelulusan bagi sebarang pajakan melombong dan lesen melombong tuan punya adalah terletak di bawah bidang kuasa Pihak Berkuasa Negeri (PBN), manakala pihak kerajaan Persekutuan pula bertanggungjawab untuk memastikan pembangunan mineral dilaksanakan secara mampan dan lestari melalui penambahbaikan peraturan, prosedur, garis panduan yang berkaitan dengan aktiviti perlombongan dan pengeksportan bauksit. Pematuhan terhadap SOP ini oleh semua penggiat industri akan menjadikan industri perlombongan lebih teratur, berkesan dan memberikan penekanan terhadap kesejahteraan penduduk serta alam sekitar.

Secara asasnya, SOP baharu berkaitan aktiviti perlombongan bauksit telah menekankan prosedur-prosedur peringkat sebelum perlombongan (*pre-mining*), semasa perlombongan (*during mining*) dan selepas

perlombongan (*post-mining*). Keperluan kelulusan laporan EIA bagi setiap permohonan perlombongan adalah merupakan syarat utama yang akan diwajibkan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJAH AZIZAH BINTI
DATUK SERI PANGLIMA HAJI MOHD DUN
[BEAUFORT]**

TARIKH : 11 APRIL 2019 (RABU)

SOALAN NO. 69

DATUK HAJAH AZIZAH BINTI DATUK SERI PANGLIMA HAJI MOHD DUN [BEAUFORT] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah terdapat pengurangan atau pertambahan bilangan pemohon BSH 2019 bagi fasa kedua ini memandangkan proses kemaskini permohonan BSH memerlukan pelbagai dokumen untuk dilampirkan sehingga tular di media sosial menyatakan BSH ini menyusahkan rakyat. Sekiranya ada, berapa peratus pertambahan bilangan pemohon BSH tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Bantuan Sara Hidup (BSH) merupakan salah satu bantuan bersasar bagi golongan berpendapatan rendah (B40) meringankan kos sara hidup mereka di samping membuktikan keprihatinan Kerajaan Pakatan Harapan terhadap golongan yang memerlukan dan seterusnya memberi impak yang tinggi kepada rakyat.
2. Untuk makluman Yang Berhormat, tempoh pendaftaran/pengemaskinian BSH tahun 2019 telah dibuka untuk tempoh 1 Februari 2019 hingga 15 Mac 2019. Sehingga 3 April 2019, lebih daripada 3.6 juta permohonan BSH 2019 telah diterima merangkumi 0.6 juta permohonan baharu dan 3 juta permohonan kemas kini. Data ini akan terus meningkat berdasarkan proses kemasukan data yang masih dilaksanakan oleh LHDNM dan dijangka akan mencecah 4 juta permohonan. Sepertimana yang diumumkan oleh Kerajaan, BSH 2019 dijangka memanfaatkan lebih daripada 4 juta isi rumah dan melibatkan peruntukan hampir RM5 bilion.
3. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan akan memastikan semua bantuan Kerajaan adalah berkesan dan menepati kumpulan sasar yang ditetapkan terutamanya golongan B40.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN MARIA CHIN BINTI ABDULLAH
[PETALING JAYA]**

TARIKH : 11 APRIL 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 70

Minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan kadar kematian ibu untuk tempoh 2013-2018 serta punca-puncanya. Nyatakan maklumat tersebut mengikut pecahan wanita warganegara, warga asing yang mempunyai pas sah dan warga asing tanpa izin.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Kematian ibu ialah kematian yang berlaku ketika hamil sehingga 42 hari dalam pantang, disebabkan oleh komplikasi atau pengendalian berkaitan kehamilan. Tren kadar kematian ibu (MMR) telah menurun daripada 27 per 100,000 pada tahun 2008 kepada 21.4 per 100,000 kelahiran hidup pada tahun 2013. Kadar ini kembali meningkat sehingga kepada 23.8 pada tahun 2015 dan 29.1 per 100,000 kelahiran hidup pada tahun 2016. Walaubagaimanapun, MMR terkini pada tahun 2017 telah menunjukkan penurunan iaitu 25.0 per 100,000 kelahiran hidup. Data rasmi MMR bagi tahun 2018 masih belum dikeluarkan oleh Jabatan Statistik Malaysia.

Lima (5) penyebab utama kematian ibu ialah *Postpartum haemorrhage* (tumpah darah), *Pulmonary embolism* (darah beku di salur darah paru-paru), *Associated medical conditions* (masalah perubatan contoh: penyakit jantung, kegagalan buah pinggang, serangan asma), *Hypertensive disorder in pregnancy* (masalah darah tinggi semasa mengandung) dan *Amniotic fluid embolism*.

Pada tahun 2017, data menunjukkan kematian tertinggi disebabkan oleh *Postpartum haemorrhage* yang menyumbang kepada 26.0% daripada keseluruhan penyebab kematian. Ini diikuti dengan *Pulmonary embolism*, 19.4%; *Associated medical conditions*, 14.2%; *Hypertensive disorder in pregnancy*, 9.4% dan *Amniotic fluid embolism* 7.9%. Klasifikasi kematian ibu mengikut kewarganegaraan menunjukkan bahawa majoriti kematian ibu adalah dalam kalangan warganegara Malaysia, di mana purata peratus bagi tempoh 2013-2017 ialah 65.5%. Bagi kematian dalam kalangan bukan warganegara (dengan izin), peratus kematian adalah kurang dari 10% pada tahun 2013 dan 2014. Walau bagaimanapun, ia meningkat kepada 14.7% pada tahun 2015, 24.4% pada tahun 2016 dan menurun kepada 12.6% pada tahun 2017.

Kematian dalam kalangan bukan warganegara (tanpa izin) bagi tempoh 2013-2017 adalah antara 15.9% hingga 26.9, dimana peratus tertinggi yang direkodkan ialah pada tahun 2017 iaitu 26.9 %.